



RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA KEDUA BELAS

NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**“MENGUKUHKAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI
BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN DAN
KEHARMONIAN NEGARA”**

2024 - 2029



**RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA
KEDUA BELAS
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
2024 - 2029**

**Diterbitkan Oleh Kementerian Kewangan dan Ekonomi,
Negara Brunei Darussalam**

© Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Negara Brunei Darussalam, 2024

ISBN 978-99917-72-60-8

Hak cipta terpelihara. Tidak dibenarkan mengeluarkan ulang, mana-mana bahagian isi kandungan buku ini dalam apa jua bentuk dan dengan apa jua cara pun sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman dan lain-lain sebelum mendapat kebenaran bertulis daripada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.

Ilustrasi dan gambar ihsan daripada Jabatan Penerangan, agensi-agensi lain dan sektor persendirian.

**Reka bentuk daripada Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik,
Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Negara Brunei Darussalam**



TITAH PERUTUSAN

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI
HASSANAL BOLKIAH MU‘IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM
SULTAN HAJI OMAR ‘ALI SAIFUDDIEN SA’ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

الْحَمْدُ لِلَّهِ رَبِّ الْعَالَمِينَ وَ بِهِ نَسْتَعِينُ عَلَى أُمُورِ الدُّنْيَا وَالْآخِرَةِ وَالصَّلَاةُ وَالسَّلَامُ عَلَى أَشْرَفِ الْأَنْبِيَاءِ
وَالْمُرْسَلِينَ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ. أَمَّا بَعْدُ

Alhamdulillah, Beta bersyukur dengan izin dan limpah rahmat Allah Subhanahu Wata’ala
jua, Negara Brunei Darussalam kini melangkah ke Rancangan Kemajuan Negara Kedua
Belas (RKN12) bagi meneruskan pelaksanaan perancangan pembangunan negara dalam
tempoh lima tahun ke hadapan yang akan menjadi landasan utama dalam menyediakan
pembangunan asas bagi memudahcara dan mendukung ke arah merealisasikan
Wawasan Brunei 2035.

Dalam keadaan dunia yang sangat sukar diramal, negara perlu lebih bersedia bagi
menghadapi isu-isu semasa seperti keadaan ekonomi yang tidak menentu; perubahan
paradigma ekonomi digital; ketegangan geopolitik antarabangsa yang menyebabkan
gangguan bekalan barangan asasi dan peningkatan inflasi global; serta risiko cuaca yang
tidak menentu disebabkan oleh perubahan iklim.

Maka di sini, dalam kita mengharungi cabaran-cabaran besar yang dibawa oleh
perubahan masa yang sangat pesat, peri mustahaknya Rancangan Kemajuan Negara
(RKN) diberikan perhatian sewajarnya dengan memfokuskan kepada pencapaian yang
hendak dicapai.

Dalam hal ini, perancangan RKN12 perlu memainkan peranan penting dalam
memastikan keberhasilan yang berdaya tahan ke arah menyumbang kepada industri dan
ekonomi; merangsang kedayatahanan fiskal; membuka peluang pekerjaan kepada anak-
anak tempatan selaras dengan keperluan industri; dan seterusnya menyumbang kepada
pengurusan dan perlindungan alam sekitar.



Dalam pada itu, Beta mengambil maklum terhadap beberapa pencapaian yang telah diperoleh dan dinikmati. Namun begitu, kita masih perlu melangkah lebih ke hadapan bagi melakukan pembaharuan dalam proses pemikiran dan pemilihan projek seperti mengukuhkan kesinambungan dengan projek-projek yang telah siap; dan melaksanakan projek-projek yang dapat membantu dalam melipatgandakan lagi sumbangan kepada ekonomi negara. Ini diharapkan dapat memberi manfaat kepada perkembangan sosioekonomi negara bagi seluruh rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam.

Akhirnya, Beta berdoa semoga dengan usaha-usaha ini kita akan dapat memastikan kemakmuran yang kita kecapai selama ini akan berterusan dan akan dapat dinikmati bersama oleh generasi yang akan datang.

وَبِاللَّهِ التَّوْفِيقُ وَالْهُدَايَةُ وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ



RINGKASAN EKSEKUTIF

Bagi memastikan perancangan yang holistik dan adanya kesinambungan di antara perancangan, pemilihan dan pelaksanaan projek ke arah mencapai setiap matlamat Wawasan Brunei 2035, proses perancangan pembangunan negara iaitu Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang (PKJP) Negara Brunei Darussalam telah dikemaskinikan.

Di antara kepentingan pengemaskinian PKJP ini adalah bagi memudahkan setiap agensi dalam merancang dan menyediakan projek dengan lebih teratur berpanduan kepada visi Pelan Induk dan Peta Jalan, serta dapat menangani jurang ke arah pembangunan sosioekonomi negara. Ini termasuk memastikan sumber-sumber kerajaan dapat digunakan dengan lebih efisien dan menerapkan konsep guna sama.

Dalam mengukuhkan lagi usaha-usaha ke arah merealisasikan Wawasan Brunei 2035, Rancangan Kemajuan Negara Kedua Belas (RKN12) akan menumpukan kepada peningkatan pertumbuhan ekonomi yang mampan, penambahbaikan kesejahteraan rakyat dan pembangunan sosioekonomi yang berdaya tahan. Oleh yang demikian, tema bagi RKN12 adalah seperti berikut:

"MENGUKUHKAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN DAN KEHARMONIAN NEGARA"

Bagi mendukung tema RKN12, sebanyak enam teras telah digariskan dalam memberi hala tuju kepada penyediaan program dan projek RKN12, iaitu:

1. Teras pertama ialah **Meningkatkan Kualiti Pendidikan Melalui Pengukuhan Aksesibiliti Infrastruktur dan Sistem Pendidikan Yang Sistematik** memfokuskan kepada penyediaan infrastruktur-infrastruktur yang berkualiti dan sistem pendidikan yang dapat menyumbang kepada produktiviti dan efisiensi institusi-institusi pendidikan.
2. Teras kedua ialah **Melahirkan Tenaga Kerja Selaras Dengan Keperluan Industri**. Teras ini memfokuskan dalam melahirkan rakyat yang kekal relevan, inovatif, produktif dan mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh industri yang juga akan dapat membantu mengurangkan jumlah pengangguran.



3. Teras ketiga iaitu **Menyumbang Kepada Kelestarian Alam Sekitar Dalam Menangani Perubahan Iklim** menekankan bagi mengurangkan jejak karbon dan pelepasan gas rumah hijau (GHG), serta perlindungan kawasan marin (MPAs).
4. Teras keempat, **Mengukuhkan Keselamatan Negara dan Kesejahteraan Rakyat Yang Berdaya Tahan** menitikberatkan kedaulatan dan kestabilan negara di samping mengutamakan hal ehwal kesejahteraan dan kebajikan rakyat.
5. Teras kelima ialah **Meningkatkan Sumbangan Sektor Bukan Minyak dan Gas Kepada Ekonomi Negara**. Teras ini menfokuskan kepada mempercepatkan usaha-usaha dalam meningkatkan sumbangan Sektor Bukan Minyak dan Gas ke arah pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan.
6. Teras keenam ialah **Mengukuhkan Pengurusan Kerajaan Bagi Pentadbiran Awam Yang Efisien dan Kondusif**. Teras ini akan mendukung ke arah memperkukuhkan dan meningkatkan sistem pengurusan perkhidmatan awam agar lebih teratur dan cekap.

Bagi RKN12, pemilihan projek-projek adalah berdasarkan kepada ciri-ciri utama seperti penghasilan impak yang tinggi, *game changer* kepada pembangunan sosioekonomi negara dan projek-projek yang berwawasan. Beberapa objektif pemilihan projek yang hendak dicapai seperti berikut:

- i. Pembangunan Sosial dan Kesejahteraan Rakyat
- ii. Meningkatkan Sekuriti Negara (Keselamatan)
- iii. Meningkatkan Pertumbuhan Ekonomi
- iv. Meningkatkan Perdagangan Antarabangsa
- v. Meningkatkan Kemahiran dan Kepakaran
- vi. Transformasi Digital
- vii. Menyumbang Kepada Kelestarian Alam Sekitar
- viii. Memastikan Kemampanan Fiskal

Ke arah merealisasikan hasrat ini, pendekatan senegara yang bersepadu adalah penting bagi menjayakan pelaksanaan **305 buah projek** dengan sejumlah **BND4.0 bilion** telah diperuntukan dalam **tempoh lima tahun** bagi RKN12.



ISI KANDUNGAN

TITAH PERUTUSAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN, SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM	II
RINGKASAN EKSEKUTIF	IV
GLOSARI AKRONIM & SENARAI RAJAH	VIII
JAWATANKUASA TERTINGGI RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA (JKTR)	XVI
▪ Terma Rujukan	
JAWATANKUASA KERJA (JKK) RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA (RKN)	XIX
▪ Terma Rujukan	
BAHAGIAN I : PENDAHULUAN	
▪ Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang (PKJP)	3
▪ Fokus Utama & Objektif RKN	5
BAHAGIAN II : TEMA RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA KEDUA BELAS (RKN12)	9
“MENGUKUHKAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN DAN KEHARMONIAN NEGARA”	
BAHAGIAN III : PENCAPAIAN RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA KESEBELAS (RKN11)	17
▪ Rancangan Kemajuan Negara Kesebelas (RKN11)	19
▪ Status Pelaksanaan Projek RKN11	20
▪ Cabaran dan Penambahbaikan	
BAHAGIAN IV : PELAKSANAAN RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA KEDUA BELAS (RKN12) MENGIKUT TERAS	
▪ Teras 1 : Meningkatkan Kualiti Pendidikan Melalui Pengukuhan Aksesibiliti Infrastruktur Dan Sistem Pendidikan Yang Sistematik	24
▪ Teras 2 : Melahirkan Tenaga Kerja Selaras Dengan Keperluan Industri	36
▪ Teras 3 : Menyumbang Kepada Kelestarian Alam Sekitar Dalam Menangani Perubahan Iklim	44
▪ Teras 4 : Mengukuhkan Keselamatan Negara Dan Kesejahteraan Rakyat Yang Berdaya Tahan	54
▪ Teras 5 : Meningkatkan Sumbangan Sektor Bukan Minyak Dan Gas Kepada Ekonomi Negara	74
▪ Teras 6 : Mengukuhkan Pengurusan Kerajaan Bagi Pentadbiran Awam Yang Efisien Dan Kondusif	86



**GLOSARI
AKRONIM**

&

**SENARAI
RAJAH**

GLOSARI AKRONIM

3PSA	Program Penggredan Prestasi Sektor Awam / Public Sector Performance Grading Programme	C4ISR	Command, Control, Communications, Computers Intelligence, Surveillance and Reconnaissance
%	Peratus / Per Cent	CCI	Industri Kreatif dan Budaya / Creative and Cultural Industries
°C	Darjah Celsius / Degree Celsius	CET	Pendidikan dan Latihan Lanjutan / Continuous Education and Training
AC	Alternating Current	COO	Sijil Pengeluar Asal / Certificate of Origin
ALARP	Serendah Yang Boleh Dilaksanakan / As Low As Reasonably Practicable	CORS	Continuously Operating Reference Station
ASEAN	Persatuan Negara-Negara Asia Tenggara / Association of Southeast Asian Nations	CREATES	Majlis Penyelidikan dan Kemajuan Sains dan Teknologi / Council for Research and Advancement of Technology and Science
AWOS	Automatic Weather Observation System	DAaaS	Data Analytics As A Service
BCCO	Pejabat Kebangsaan Perubahan Iklim / Brunei Climate Change Office	DME	Alat Pengukur Jarak / Distance Measuring Equipment
BDKI	Brunei Darussalam Key Indicators	DLL	Dan Lain-Lain / And Others
BDNSW	Brunei Darussalam National Single Window	Dr.	Doktor / Doctor
BDSYB	Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam / Brunei Darussalam Statistical Yearbook	DriveBN	Pendigitalan Perkhidmatan-Perkhidmatan Pengangkutan Darat / Land Transport Digitalisation Services
BHMS	Sistem Pemantauan Kesihatan Jambatan / Bridge Health Monitoring System	DVOR	Doppler VHM Omni Directional Range
BNCCP	Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam / Brunei Darussalam's National Climate Change Policy	EDMS	Education Data Management System
BND	Ringgit Negara Brunei Darussalam / Brunei Darussalam Dollar	EEZ	Zon Eksklusif Ekonomi / Exclusive Economic Zone
BPP	Banci Penduduk dan Perumahan / Population and Housing Census	EGNC	Pusat Kebangsaan E-Kerajaan / E-Government National Centre
Bru-HIMS	Brunei Darussalam – Healthcare Information and Management System	EIA	Penilaian Kesan Alam Sekitar / Environmental Impact Assessment
		ERPS	Enterprise Resource Planning System

GLOSARI AKRONIM

FDI	Pelaburan Langsung Asing / Foreign Direct Investment	JKK	Jawatankuasa Kerja / Working Committee
FDIs	Pelaburan-Pelaburan Langsung Asing / Foreign Direct Investments	JKTR	Jawatankuasa Tertinggi RKN / RKN Executive Committee
FY	Financial Year	KDNK	Keluaran Dalam Negeri Kasar
GHG	Gas Rumah Hijau / Greenhouse Gas	Kg.	Kampung / Village
GII	Indeks Inovasi Global / Global Innovation Index	KKP	Kawasan Kemajuan Pertanian / Agricultural Development Area
GLCs	Syarikat-Syarikat Berkaitan Kerajaan / Government-Linked Companies	KM	Kilometer / Kilometre
GDP	Gross Domestic Product	KUPU SB	Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan / Seri Begawan Religious Teachers University College
GHRMS	Sistem Pengurusan Sumber Manusia Kerajaan / Government Human Resource Management System	kV	Kilovolt
H	Hijrah / Hijri	LNG	Gas Cecair Asli / Liquefied Natural Gas
HBS	Home Based Staff	LTDP	Long-Term Development Plan
IBTE	Institut Pendidikan Teknikal Brunei / Institute of Brunei Technical Education	M	Masihi
ICT	Teknologi dan Info-komunikasi / Info-Communication Technology	M³	Metrik Kubik / Cubic Metre
IMF	Tabung Kewangan Antarabangsa / International Monetary Fund	MISC	Jawatankuasa Pandu Sumber Manusia Industri / Manpower Industry Steering Committee
IoT	Internet of Things	MMN	Majlis Mesyuarat Negara / State Legislative Council
ISDS	Sistem Data Perangkaan Bersepadu / Integrated Statistical Data System	MOD	Kementerian Pembangunan / Ministry of Development
ILS	Alat Sistem Pendaratan / Instrument Landing System	MOHA	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri / Ministry of Home Affairs
JASTRe	Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi / Department of Environment, Parks and Recreation	MPAs	Kawasan Perlindungan Marin / Marine Protected Areas

GLOSARI AKRONIM

MPEC	Manpower Planning and Employment Council	PMET	Profesional, Pengurus, Eksekutif dan Juruteknik / Professionals, Managers, Executives and Technicians
MPO	Manpower Planning Office	PMKS	Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana
MSDI	Infrastruktur Data Spatial Marin / Marine Spatial Data Infrastructure	PPTM	Pejabat Perancangan Tenaga Manusia
MSMEs	Micro, Small, and Medium Enterprises	PSC	Public Service Commission
MSY	Hasil Maksimum Mampan / Maximum Sustainable Yield	PSR	Radar Pengawasan Utama / Primary Surveillance Radar
MtCO₂e	Metrik Tan Karbon Dioksida Setara / Metric Tonnes of Carbon Dioxide Equivalent	PV	Fotovolta / Photovoltaic
MSSR	Radar Pengawasan Sekunder Monopulse / Monopulse Secondary Surveillance Radar	QS	Quacquarelli Symonds
NADIR	Perpustakaan Negara / National Library	Q3	Suku-Tahun Ketiga / 3 rd Quarter
NGOs	Badan-Badan Bukan Kerajaan / Non-Government Organisations	RBAF	Angkatan Bersenjata Diraja Brunei / Royal Brunei Armed Forces
NRW	Non-Revenue Water	RKN	Rancangan Kemajuan Negara / National Development Plan
NTRL	Makmal Rujukan TB Kebangsaan / National TB Reference Laboratory	RKN11	Rancangan Kemajuan Negara Kesebelas / Eleventh National Development Plan
OBBD	Outward Bound Brunei Darussalam	RKN12	Rancangan Kemajuan Negara Kedua Belas / Twelfth National Development Plan
OCBS	One Common Billing System	RIPAS	Raja Isteri Pengiran Anak Saleha
OSI	Indeks Perkhidmatan Atas Talian / Online Service Index	RPN	Rancangan Perumahan Negara / National Housing Scheme
P	Provisional	RTB	Radio Televisyen Brunei / Radio Television Brunei
PBB	Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu	SAIDI	Indeks Purata Tempoh Gangguan Sistem / System Average Interruption Duration Index
PKJP	Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang	SAIFI	Indeks Purata Kekerapan Gangguan Sistem / System Average Interruption Frequency Index

GLOSARI AKRONIM

SCADA	Pengawasan Kawalan dan Sistem Perolehan Data / Supervisory Control and Data Acquisition System	STS	Sistem Pengangkutan Pintar / Smart Transportation System
SDG	Matlamat Pembangunan Mampan / Sustainable Development Goal	THE	Times Higher Education
SDGs	Matlamat-Matlamat Pembangunan Mampan / Sustainable Development Goals	TK	Tahun Kewangan
SDN	Rangkaian Yang Ditakrifkan Perisian / Software Defined Network	TVET	Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional / Technical and Vocational Education and Training
SNIU	Menaiktaraf Infrastruktur Rangkaian Sekolah / School Network Infrastructure Upgrade	UAS	Unmanned Aerial System
Sg.	Sungai / River	UBD	Universiti Brunei Darussalam
SHOAS	Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien	UN	United Nations
SKN	Sistem Kebajikan Negara / National Welfare System	UNISSA	Universiti Islam Sultan Sharif Ali / Sultan Sharif Ali Islamic University
SMALHB	Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanal Bolkiah / Hassanal Bolkiah Boys' Arabic Secondary School	USD	Ringgit Amerika Syarikat / United States Dollar
SMR	Radar Pengerakan Permukaan / Surface Movement Radar	UTB	Universiti Teknologi Brunei
SPA	Suruhanjaya Perkhidmatan Awam	WHO	Pertubuhan Kesihatan Sedunia / World Health Organisation
SPARK	Taman Perindustrian Sungai Liang / Sungai Liang Industrial Park	WIPO	World Intellectual Property Organisation
SPeRe	Sistem Pengurusan Rekod / Record Management System	WMO	Organisasi Meteorologi Dunia / World Meteorological Organisation
STEAM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kreativiti, dan Matematik / Science, Technology, Engineering, Design & Technology, Arts and Mathematics	WURI	Kedudukan Universiti Dunia Untuk Inovasi / World University Rankings for Innovation
STEP	Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar / Science, Technology and Environment Partnership		

SENARAI RAJAH

RAJAH 1	: <i>Rangka Kerja Proses Perancangan Pembangunan Negara Berasaskan Matlamat-Matlamat Wawasan Brunei 2035</i>	RAJAH 18	: <i>Jumlah Lulusan Graduan Mengikut Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), 2018-2023</i>
RAJAH 2	: <i>Kepentingan Rangka Tindakan, Peta Jalan, dan Pelan Induk</i>	RAJAH 19	: <i>Kadar Pengangguran Berumur 18 Tahun dan Ke Atas, 2018-2023</i>
RAJAH 3	: <i>Objektif Pemilihan Projek</i>	RAJAH 20	: <i>Strategik Inisiatif di Bawah Pelan Transformasi Pendidikan Teknikal dan Vokasional</i>
RAJAH 4	: <i>Indikator Utama Yang Digunakan Bagi Pembangunan Sosioekonomi Sesebuah Negara</i>	RAJAH 21	: <i>Jumlah Tenaga Kerja Berumur 18 Tahun dan Ke Atas di Sektor Swasta, 2018-2023</i>
RAJAH 5	: <i>KDNK, 2018-2023</i>	RAJAH 22	: <i>Jumlah Tenaga Kerja Berkemahiran Tinggi (PMET) Berumur 18 Tahun dan Ke Atas di Sektor Swasta, 2018-2023</i>
RAJAH 6	: <i>KDNK Per Kapita, 2018-2023</i>	RAJAH 23	: <i>Pelepasan GHG di Sektor Industri, 2021-2022</i>
RAJAH 7	: <i>Perbandingan KDNK Per Kapita Bagi Negara-Negara ASEAN Terpilih (5 Teratas), 2023</i>	RAJAH 24	: <i>Kelestarian Ekologi, 2019-2023</i>
RAJAH 8	: <i>Jangka Hayat Penduduk, 2018-2023</i>	RAJAH 25	: <i>Perangkaan Jenayah, 2018-2023</i>
RAJAH 9	: <i>Kadar Celik Bagi Penduduk</i>	RAJAH 26	: <i>Kes Bencana Mengikut Jenis Bencana, 2018-2021</i>
RAJAH 10	: <i>Perbandingan Kadar Celik Bagi Negara-Negara ASEAN Terpilih, 2022</i>	RAJAH 27	: <i>Jumlah Katil di Hospital Kerajaan Bagi Setiap 1,000 Orang, 2022-2023</i>
RAJAH 11	: <i>Jumlah Pekerja Bagi Umur 18 Tahun dan Ke Atas, 2018-2023</i>	RAJAH 28	: <i>Nisbah Doktor Kepada Penduduk, 2017 & 2021</i>
RAJAH 12	: <i>Jumlah Penganggur Bagi Umur 18 Tahun dan Ke Atas, 2018-2023</i>	RAJAH 29	: <i>Panjang Jalan Raya & Jalan Raya Tidak Berturap, 2018-2023</i>
RAJAH 13	: <i>Enam Teras RKN12</i>	RAJAH 30	: <i>Jumlah Bilangan Masjid, 2016-2023</i>
RAJAH 14	: <i>Perbelanjaan RKN11 Mengikut Tahun Kewangan, TK2018/19-TK2023/24</i>	RAJAH 31	: <i>Indeks Petunjuk Utama Reliabiliti Sistem Bekalan Tenaga Elektrik</i>
RAJAH 15	: <i>Perbelanjaan RKN11 Mengikut Sektor Utama</i>	RAJAH 32	: <i>Pengeluaran dan Penggunaan Air, 2018-2022</i>
RAJAH 16	: <i>Penuntut Mengikut Peringkat Pendidikan, 2020-2023</i>	RAJAH 33	: <i>Kadar Milik Rumah, 2011 & 2021</i>
RAJAH 17	: <i>Indeks Pendidikan, 2020-2021</i>		

SENARAI RAJAH

- RAJAH 34** : *KDNK Sebenar, 2012-2023*
- RAJAH 35** : *Jumlah Eksport, 2012-2023*
- RAJAH 36** : *Jumlah Hasil,
TK2012/2013-TK2023/2024*
- RAJAH 37** : *Aspirasi-Aspirasi Dalam Economic
Blueprint*
- RAJAH 38** : *Jumlah Stok FDI, 2012-2023*
- RAJAH 39** : *Indeks Perkhidmatan Atas Talian
(OSI), 2020 & 2022*
- RAJAH 40** : *Keberkesanan Kerajaan, 2021-2022*





**JAWATANKUASA
TERTINGGI
RANCANGAN KEMAJUAN
NEGARA**



**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA PADUKA
SERI BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL
BOLKIAH MU'IZZADDIN WADDAULAH IBNI
AL-MARHUM SULTAN HAJI OMAR 'ALI
SAIFUDDIEN SA'ADUL KHAIRI WADDIEN,
SULTAN DAN YANG DI-PERTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

Perdana Menteri, Menteri Pertahanan,
Menteri Kewangan dan Ekonomi, dan
Menteri Hal Ehwal Luar Negeri



**DULI YANG TERAMAT MULIA PADUKA SERI
PENGIRAN MUDA MAHKOTA PENGIRAN MUDA
HAJI AL-MUHTADEE BILLAH IBNI KEBAWAH
DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN HAJI HASSANAL BOLKIAH
MU'IZZADDIN WADDAULAH**

Menteri Kanan di Jabatan Perdana Menteri



**YANG BERTHORMAT DATU SERI SETIA
DR. AWANG HAJI MOHD. AMIN LIEW
BIN ABDULLAH**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri
dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II



**YANG BERTHORMAT DATU SERI SETIA
DR. AWANG HAJI MOHAMMAD ISHAM
BIN HAJI JAAFAR**

Menteri Kesihatan



**YANG BERTHORMAT DATU SERI SETIA
DR. AWANG HAJI ABDUL MANAF
BIN HAJI METUSSIN**

Menteri Sumber-Sumber Utama dan
Pelancongan



**YANG BERTHORMAT DATU SERI SETIA
AWANG HAJI MUHAMMAD JUANDA
BIN HAJI ABDUL RASHID**

Menteri Pembangunan



**YANG BERTHORMAT DATIN SERI SETIA
DR. DAYANG HAJAH ROMAIZAH
BINTI HAJI MD. SALLEH**

Menteri Pendidikan



**YANG BERTHORMAT PENGIRAN
DATU SERI SETIA SHAMHARY
BIN PENGIRAN DATU PADUKA HAJI MUSTAPHA**

Menteri Pengangkutan dan
Info-Komunikasi

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA TERTINGGI RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA (JKTR)

- Memberi nasihat dan arah tuju bagi penyediaan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) termasuk tema dan teras strategik pembangunan RKN;
- Memastikan RKN adalah berdasarkan unjuran pendapatan kerajaan dengan mengambil kira dasar berhemah;
- Meluluskan cadangan laporan, senarai projek-projek dan peruntukan RKN yang dihadapkan oleh Jawatankuasa Kerja (JKK) RKN;
- Memastikan keberhasilan projek dan program selaras dengan objektif dan sasaran perancangan asal dan mempunyai nilai tambah kepada pertumbuhan ekonomi negara;
- Menghadapkan cadangan draf buku laporan dan senarai projek-projek, serta peruntukan RKN bagi Titah Perkenan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam; dan
- Mengadakan lawatan kerja ke tapak-tapak projek RKN bagi tujuan pemantauan.

JAWATANKUASA KERJA
RANCANGAN KEMAJUAN
NEGARA



**YANG BERTHORMAT DATO SERI SETIA
DR. AWANG HAJI MOHD. AMIN LIEW
BIN ABDULLAH**

Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan
Menteri Kewangan dan Ekonomi II



**YANG MULIA DATO SERI PADUKA
AWANG HAJI KHAIRUDDIN
BIN HAJI ABDUL HAMID**

Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi
(Ekonomi)



**YANG MULIA PENGIRAN
DATIN SERI PADUKA HAJAH ZETY SUFINA
BINTI PENGIRAN DATO PADUKA HAJI SANI**

Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi
(Fiskal)



**YANG MULIA PENGIRAN DATO SERI PADUKA
AWANG HAJI MOHD. TASHIM
BIN PENGIRAN HAJI HASSAN**

Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama



**YANG MULIA DATO SERI PADUKA
AWANG HAJI MOHAMAD AZMI BIN
HAJI MOHD. HANIFAH**

Timbalan Menteri (Tenaga) di Jabatan
Perdana Menteri

SETIAUSAHA-SETIAUSAHA TETAP

diperlukan bagi membincangkan perkara-perkara berkaitan dengan Kementerian/Jabatan masing-masing.

TERMA RUJUKAN JAWATANKUASA KERJA (JKK) RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA (RKN)

- Memantau dan menasihati dalam isu-isu berhubung prestasi sosioekonomi negara;
- Memantau dan menasihati dalam perkembangan dan pengemaskinian strategi dan haluan dasar pembangunan negara dalam rangka Wawasan Brunei 2035 bagi memastikan perancangan pembangunan sosioekonomi negara yang mantap, berdaya tahan, inklusif dan sejajar;
- Mengenal pasti perkara-perkara yang memerlukan perhatian atau pembaikan dan seterusnya memberikan panduan strategik dalam memastikan perancangan dan pelaksanaan Rancangan Kemajuan Negara (RKN) mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035;
- Menilai dan mempertimbangkan cadangan projek baharu dan penerusan projek dalam pelaksanaan, serta keperluan peruntukan dan harga rancangan RKN;
- Memastikan peruntukan RKN dilaksanakan menurut had peruntukan dan harga rancangan yang ditetapkan;
- Memastikan projek-projek RKN dilaksanakan dalam tempoh pelaksanaan yang ditetapkan;
- Meneliti potensi hubungan kerjasama dengan pihak swasta berkaitan dengan program dan projek RKN; dan
- Mengadakan lawatan kerja ke tapak-tapak projek RKN bagi tujuan penilaian dan pemantauan.



BAHAGIAN I: PENDAHULUAN



PERENCANAAN KEMAJUAN JANGKA PANJANG (PKJP)

Rancangan Kemajuan Negara (RKN) adalah perancangan yang disediakan setiap lima tahun bagi mencapai matlamat yang digariskan dalam Wawasan Brunei 2035. Penyediaan RKN memfokuskan kepada program-program dan projek-projek yang dapat:



Meningkatkan kemahiran, kehidupan dan kesejahteraan rakyat




Mempercepatkan pertumbuhan ekonomi



Mewujudkan lanskap ekonomi yang progresif dan produktif

Bagi memperbaiki Rancangan Kemajuan Negara Kedua Belas (RKN12) dan seterusnya, pengemaskinian telah dilaksanakan ke atas Perencanaan Kemajuan Jangka Panjang (PKJP) Negara Brunei Darussalam. Dalam hubungan ini, bagi memastikan perancangan yang holistik, rangka kerja perancangan pembangunan negara akan memastikan kesinambungan, dan kehubungkaitan di antara proses perancangan, pemilihan, dan pelaksanaan projek bagi mencapai setiap matlamat Wawasan Brunei 2035. Rangka kerja proses perancangan pembangunan negara adalah seperti di **RAJAH 1**.

Rajah 1 : Rangka Kerja Proses Perancangan Pembangunan Negara Berasaskan Matlamat-Matlamat Wawasan Brunei 2035



Melalui rangka kerja tersebut, setiap matlamat Wawasan Brunei 2035 didukung oleh Rangka Tindakan (*blueprints*) tersendiri, iaitu Matlamat 1 akan didukung oleh *Manpower Blueprint*, Matlamat 2 didukung oleh *Social Blueprint*, dan Matlamat 3 didukung oleh *Economic Blueprint*.

Setiap *blueprint* menjelaskan secara terperinci matlamat Wawasan Brunei 2035 dengan mengenal pasti hasil yang hendak dicapai. Ia dijadikan sebagai panduan untuk penggubalan peta jalan dan pelan induk sektor-sektor utama. Manakala, peta jalan pula akan mengenal pasti tindakan strategik yang perlu dilaksanakan.

Di antara kepentingan penyediaan Rangka Tindakan, peta jalan dan pelan induk adalah termasuk untuk memudahkan setiap agensi dalam merancang dan menyediakan program dan projek dengan lebih teratur, serta mencapai lain-lain objektif seperti di **RAJAH 2**.

Rajah 2 : Kepentingan Rangka Tindakan, Peta Jalan, dan Pelan Induk



Bagi memudahkan setiap agensi merancang dan menyediakan projek dengan lebih teratur dan efisien



Bagi memastikan projek-projek dari berlainan agensi menjurus kepada visi Pelan Induk dan Peta Jalan (Inisiatif Kementerian)



Bagi memastikan kesemua jurang dalam pembangunan sosioekonomi dapat ditangani bersama



Bagi memastikan konsep guna sama



Bagi memastikan penggunaan sumber-sumber kerajaan digunakan dengan lebih efisien

“

Beta berharap blueprint-blueprint ini termasuk Economic Blueprint akan menjadi bahan rujukan kepada orang ramai terutamanya sektor swasta, badan bukan Kerajaan (NGOs) untuk merangka strategi dan pelan tindakan masing-masing.

”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Ulang Tahun Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-39 Bagi Tahun 1444H/2023M

FOKUS UTAMA & OBJEKTIF RKN

Dengan adanya rangka kerja PKJP, ia akan memudahkan setiap agensi untuk merancang dan menyediakan projek dan program RKN dengan lebih teratur yang sejajar dengan hala tuju yang digariskan dalam *Manpower Blueprint*, *Social Blueprint*, dan *Economic Blueprint* bagi mencapai matlamat dan strategi Wawasan Brunei 2035.

Oleh yang demikian, pemilihan projek-projek RKN12 adalah berdasarkan kepada ciri-ciri utama seperti penghasilan impak yang tinggi, *game changer* kepada pembangunan sosioekonomi negara dan projek-projek yang berwawasan.

FOKUS UTAMA PEMILIHAN PROJEK

1 PROJEK BERWAWASAN

Memenuhi ciri-ciri matlamat jangka panjang yang akan membantu memperkasa generasi akan datang demi masa hadapan yang lebih terjamin.


2 PROJEK BERIMPAK TINGGI & GAME CHANGER

Mempunyai impak tinggi kepada sosioekonomi negara dan dapat membuat perubahan yang besar dan positif kepada kualiti kehidupan rakyat dan penduduk.

OBJEKTIF PEMILIHAN PROJEK

Pemilihan projek-projek adalah berpandukan kepada beberapa objektif yang hendak dicapai seperti di **RAJAH 3**:


Rajah 3 : Objektif Pemilihan Projek





MENINGKATKAN KEMAHIRAN DAN KEPAKARAN

Menyumbang kepada peningkatan tahap kemahiran, kepakaran dan keupayaan sumber manusia tempatan.



TRANSFORMASI DIGITAL

Menyumbang kepada peningkatan daya inovasi dan tahap produktiviti negara melalui penggunaan dan peralihan kepada digital.



MENYUMBANG KEPADA KELESTARIAN ALAM SEKITAR

Mengambil kira impak terhadap alam sekitar dan perubahan iklim.



MEMASTIKAN KEMAMPAHAN FISKAL

Menjana hasil pendapatan kerajaan, meningkatkan produktiviti sektor awam dan mengurangkan pembaziran.



BAHAGIAN II: TEMA RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA KEDUA BELAS (RKN12)



TEMA RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA KEDUA BELAS (RKN12)





Ke arah peningkatan pertumbuhan ekonomi yang mampan dan penambahbaikan kesejahteraan rakyat, pembangunan sosioekonomi yang berdaya tahan perlu sentiasa diutamakan. Namun demikian, untuk mencapai hasrat ini, negara akan sentiasa berdepan dengan isu-isu global semasa yang merupakan cabaran yang perlu ditangani. Ini antara lain, berpunca daripada keadaan ekonomi global yang tidak menentu disebabkan oleh ketegangan geopolitik antarabangsa, gangguan rantai bekalan global, risiko perubahan iklim, dan kemajuan teknologi yang pesat.

Bagi mengatasi cabaran ini dan seterusnya menggalakkan pertumbuhan ekonomi yang mampan, setiap negara termasuk Negara Brunei Darussalam harus mempercepatkan usaha-usaha pembangunan sosioekonomi dan untuk sentiasa lebih tangkas dalam mengadaptasikan perubahan tren mega.

Kepentingan pembangunan sosioekonomi negara juga ditekankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam semasa sidang kemuncak ASEAN-Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) Ke-13 pada September 2023, Baginda menyuarakan kebimbangan terhadap cabaran-cabaran geopolitik dan sosioekonomi yang berterusan telah mengganggu kemajuan ke arah mencapai 17 Matlamat Pembangunan Mampan (SDGs).

Menurut laporan *'Community Radio as a Tool for the Development of the Rural Population of the Northwest Region of Cameroon'*, pembangunan sosioekonomi sesebuah negara dapat diukur melalui empat indikator utama, iaitu:

Rajah 4 : Indikator Utama Yang Digunakan Bagi Pembangunan Sosioekonomi Sesebuah Negara




KELUARAN DALAM NEGERI KASAR (KDNK)

Bagi tempoh tahun 2018 hingga 2023 secara purata, jumlah KDNK Negara Brunei Darussalam pada harga semasa adalah sebanyak BND19.2 bilion. Paras tertinggi yang telah dicapai adalah pada tahun 2022 yang telah disumbangkan oleh Sektor Minyak dan Gas berikutan peningkatan harga minyak mentah dengan nilai melebihi USD100 setong.

Manakala, pada tahun 2020, KDNK yang terendah telah dicatatkan selaras dengan penurunan Sektor Minyak dan Gas akibat kejatuhan harga minyak di bawah USD50 setong.


Dalam tempoh tersebut, jumlah KDNK per kapita negara telah mencatatkan sebanyak BND43.3 ribu secara purata yang mana paras tertinggi dicatatkan pada tahun 2022 dan paras yang terendah adalah pada tahun 2020.

RAJAH 5 : KDNK, 2018-2023




Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

RAJAH 6 : KDNK Per Kapita, 2018-2023



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

RAJAH 7 : Perbandingan KDNK Per Kapita Bagi Negara-Negara ASEAN Terpilih (5 Teratas), 2023



Nota:

* Pertukaran kadar tahun 2023 adalah sebanyak BND1.35 setiap USD - Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam (BDSYB) 2023, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Berbanding dengan negara-negara ASEAN yang lain, walaupun KDNK Negara Brunei Darussalam adalah di kalangan yang terendah tetapi jumlah KDNK per kapita negara mencatatkan kedua tertinggi selepas Singapura.

Sumber:

Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik; dan Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF)


Kedua-dua indikator tersebut menunjukkan bahawa usaha-usaha bagi meningkatkan KDNK negara perlulah dipercepatkan, khususnya sumbangan melalui Sektor Bukan Minyak dan Gas ke arah mencapai ekonomi yang dinamik dan berdaya tahan.

JANGKA HAYAT PENDUDUK

Jangka hayat penduduk Negara Brunei Darussalam ketika lahir menurun daripada 78.5 tahun pada tahun 2018 kepada 76.2 tahun pada tahun 2023, berikutan peningkatan jumlah kematian daripada 1,612 orang kepada 1,912 orang yang kebanyakannya akibat penyakit tidak berjangkit.

Mengikut jantina, jangka hayat bagi perempuan ketika lahir adalah lebih tinggi berbanding dengan lelaki, iaitu pada tahun 2023 masing-masing mencatatkan 78.2 tahun dan 74.1 tahun. Walau bagaimanapun, kedua-dua jantina juga menunjukkan penurunan jangka hayat ketika lahir berbanding tahun 2018.

RAJAH 8 : Jangka Hayat Penduduk, 2018-2023



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik


Oleh itu, pendekatan senegara adalah diperlukan untuk menangani isu ini seperti meningkatkan akses kepada perkhidmatan kesihatan, mengekalkan gaya hidup sihat, termasuk kesejahteraan mental, memperbanyakkan ketersediaan makanan yang sihat dengan harga yang berpatutan dan juga bagi institusi kesihatan untuk sentiasa membuat penyelidikan bagi menangani faktor penyebab penyakit dan mengenal pasti rawatan atau penambahbaikan yang paling berkesan.

KADAR CELIK HURUF

Kadar celik huruf bagi penduduk yang berumur 10 tahun dan ke atas pada tahun 2023, adalah sebanyak 96.7 peratus yang menunjukkan peningkatan berbanding lima dekad yang lalu.


Dengan adanya akses secepat kepada pendidikan yang bertaraf tinggi di semua peringkat dan 10 tahun pendidikan wajib telah menyumbangkan kepada kadar celik huruf yang tinggi di rantau ini.

RAJAH 9 : Kadar Celik Bagi Penduduk



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

RAJAH 10 : Perbandingan Kadar Celik Bagi Negara-Negara ASEAN Terpilih, 2022



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik;
ASEAN Key Figures 2023


Jika dibandingkan dengan negara-negara ASEAN yang lain, kadar celik huruf di negara ini mencatatkan yang kedua tertinggi selepas Singapura.

PEKERJAAN

Jumlah tenaga kerja yang bekerja bagi yang berumur 18 tahun dan ke atas di Negara Brunei Darussalam secara keseluruhan, pada tahun 2023, menunjukkan sedikit penurunan daripada 216,219 orang pada tahun 2018 kepada 216,042 orang.

Penurunan ini adalah berikutan penurunan jumlah pekerja asing. Manakala, jumlah pekerja tempatan menunjukkan peningkatan daripada kira-kira 145 ribu orang pada tahun 2018 kepada kira-kira 153 ribu orang pada tahun 2023.

RAJAH 11 : Jumlah Pekerja Bagi Umur 18 Tahun dan Ke Atas, 2018-2023



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik


Peningkatan jumlah pekerja tempatan ini adalah amat ketara di sektor swasta, terutamanya di Sektor Pembuatan selaras dengan penubuhan industri-industri baru seperti loji penapis minyak dan petrokimia.

PENGANGGURAN

Jumlah penganggur secara keseluruhan bagi yang berumur 18 tahun dan ke atas menunjukkan penurunan daripada kira-kira 18 ribu orang pada tahun 2018 kepada kira-kira 12 ribu orang pada tahun 2023. Ini dengan penurunan jumlah penganggur tempatan selaras dengan peningkatan jumlah pekerja tempatan.

Peningkatan jumlah pekerja tempatan juga menunjukkan kewujudan peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan berbanding empat tahun yang lalu.

RAJAH 12 : Jumlah Penganggur Bagi Umur 18 Tahun dan Ke Atas, 2018-2023



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Walau bagaimanapun, berbanding tahun 2022, jumlah penganggur tempatan mencatatkan sedikit peningkatan, walaupun terdapat peningkatan dalam jumlah pekerja tempatan, yang keperluan untuk lebih banyak peluang pekerjaan.

Perkembangan indikator-indikator utama tersebut menunjukkan bahawa pelbagai usaha yang dilaksanakan telah membuahkan hasil mengikut yang dihasratkan. Walau bagaimanapun, masih terdapat jurang pembangunan sosioekonomi yang perlu ditangani dengan segera bagi mengelakkan ketidakseimbangan yang berpanjangan. Ini boleh dilaksanakan melalui penggubalan strategi dan dasar yang antara lain, dapat meningkatkan pertumbuhan ekonomi dan memelihara kesejahteraan rakyat dan penduduk.

Strategi dan dasar adalah seperti pengukuhan aksesibiliti, pelaburan pendidikan dan latihan, dan pengukuhan pengurusan kerajaan adalah di antara langkah-langkah yang perlu diambil bagi meningkatkan pembangunan sosioekonomi negara.

Pengukuhan aksesibiliti memfokuskan peningkatan akses kepada keperluan asas kehidupan seperti pendidikan, kesihatan, bekalan elektrik, dan air bersih yang sentiasa mencukupi tanpa gangguan dan sebagainya agar dapat memberi sumbangan yang bermakna kepada pembangunan sosioekonomi negara. Di samping itu, peningkatan pelaburan pendidikan dan latihan juga diperlukan ke arah mewujudkan rakyat yang berkemahiran seterusnya membawa kepada pewujudan pekerjaan yang bermakna dan peningkatan pertumbuhan ekonomi. Sementara tatacara pelaksanaan pentadbiran awam yang efisien dan bersistematik adalah penting dalam mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi memudahkan cara peningkatan pertumbuhan ekonomi dan seterusnya akan menambah baik kualiti kehidupan rakyat.

Melihat akan keperluan inilah, tema RKN12 adalah:

“MENGUKUHKAN PEMBANGUNAN SOSIOEKONOMI BAGI MENJAMIN KESEJAHTERAAN DAN KEHARMONIAN NEGARA”

Bagi mendukung tema ini, sebanyak enam teras telah dikenal pasti untuk memberi hala tuju kepada program dan projek, iaitu seperti **RAJAH 13** berikut:

RAJAH 13 : Enam Teras RKN12

TERAS 1



MENINGKATKAN KUALITI PENDIDIKAN MELALUI PENGUKUHAN AKSESIBILITI INFRASTRUKTUR DAN SISTEM PENDIDIKAN YANG SISTEMATIK

Menguatkan aksesibiliti melalui penyediaan infrastruktur yang berkualiti dan penyediaan sistem pendidikan yang dapat menyumbang kepada produktiviti dan efisiensi institusi-institusi pendidikan.

TERAS 2



MELAHIRKAN TENAGA KERJA SELARAS DENGAN KEPERLUAN INDUSTRI

Melahirkan rakyat yang kekal relevan, inovatif, produktif, dan mempunyai kemahiran yang diperlukan oleh industri yang juga akan dapat membantu mengurangkan jumlah pengangguran.

TERAS 3



MENYUMBANG KEPADA KELESTARIAN ALAM SEKITAR DALAM MENANGANI PERUBAHAN IKLIM

Mengurangkan jejak karbon dan pelepasan gas rumah hijau (GHG), serta perlindungan kawasan marin (MPAs) dalam mengekalkan kelestarian alam sekitar.

TERAS 4



MENGUKUHKAN KESELAMATAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT YANG BERDAYA TAHAN

Menitikberatkan kedaulatan dan kestabilan negara di samping mengutamakan hal ehwal kesejahteraan dan kebajikan rakyat.

TERAS 5



MENINGKATKAN SUMBANGAN SEKTOR BUKAN MINYAK DAN GAS KEPADA EKONOMI NEGARA

Mempercepatkan usaha-usaha dalam meningkatkan sumbangan Sektor Bukan Minyak dan Gas ke arah pertumbuhan ekonomi yang berdaya tahan.

TERAS 6



MENGUKUHKAN PENGURUSAN KERAJAAN BAGI PENTADBIRAN AWAM YANG EFISIEN DAN KONDUSIF

Memperkuatkan dan meningkatkan sistem pengurusan perkhidmatan awam agar lebih teratur dan cekap.

Ke arah merealisasikan hasrat ini, pendekatan senegara yang bersepadu adalah penting untuk melaksanakan dengan jayanya sebanyak 305 buah projek dengan peruntukan harga rancangan sejumlah BND4.0 bilion dalam tempoh RKN12.





**BAHAGIAN III :
PENCAPAIAN RANCANGAN
KEMAJUAN NEGARA
KESEBELAS (RKN11)**

RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA KESEBELAS (RKN11)



Rancangan Kemajuan
Negara Kesebelas (RKN11)

HARGA
RANCANGAN


BND3.5 BILION

JUMLAH PROJEK

221 PROJEK

HARGA RANCANGAN MENGIKUT TERAS

Rancangan Kemajuan Negara (RKN11) telah didukung oleh enam Teras, iaitu:



Selebihnya peruntukan RKN11 pula telah diagihkan kepada Simpanan Gagasan dan Tanggungan-Tanggungan seperti berikut:

Simpanan Gagasan
BND17.5 juta (0.5%)


Tanggungan-Tanggungan
BND77.4 juta (2.2%)

Dari segi agihan peruntukan, Teras 4 telah diperuntukkan dengan jumlah yang tertinggi, iaitu sebanyak lebih kurang BND2.6 bilion (73.7 peratus), diikuti dengan Teras 5 dan Teras 1, iaitu masing-masing diperuntukkan sebanyak BND0.4 bilion (10.8 peratus) dan BND0.3 bilion (9.2 peratus).

PERBELANJAAN RKN11 MENGIKUT TAHUN KEWANGAN

Dalam tempoh RKN11, sebanyak BND1.9 bilion telah dibelanjakan sehingga 31 Mac 2024. Jumlah perbelanjaan ini merupakan 55.2 peratus daripada harga rancangan BND3.5 bilion yang telah diluluskan. Oleh yang demikian, mana-mana projek RKN11 yang masih di dalam pelaksanaan, lazimnya perbelanjaan projek tersebut akan dilaksanakan semasa tempoh RKN12 mengikut prestasi kemajuan masing-masing.

RAJAH 14 : Perbelanjaan RKN11 Mengikut Tahun Kewangan, TK2018/19-TK2023/24




Sumber: Kementerian Kewangan dan Ekonomi * sehingga 31 Mac 2024

PERBELANJAAN RKN11 MENGIKUT SEKTOR UTAMA

Sektor Pengangkutan dan Perhubungan telah mencatatkan perbelanjaan tertinggi berbanding sektor-sektor lain, iaitu berjumlah sebanyak BND873.4 juta. Ini disebabkan oleh pelaksanaan beberapa projek mega seperti Projek Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) (BND777.0 juta); dan projek-projek Peningkatan dan Pembaikan Infrastruktur Jalan Raya (BND76.5 juta).

Seterusnya, perbelanjaan bagi Sektor Penggunaan Awam, termasuk projek-projek penyediaan infrastruktur asas, iaitu sebanyak BND239.0 juta. Manakala, perbelanjaan bagi Sektor Perkhidmatan Sosial, iaitu sebanyak BND232.3 juta.

RAJAH 15 : Perbelanjaan RKN11 Mengikut Sektor Utama




Sumber: Kementerian Kewangan dan Ekonomi * sehingga 31 Mac 2024

STATUS PELAKSANAAN PROJEK RKN11


Bagi tempoh RKN11, sebanyak BND3.5 bilion telah diperuntukkan untuk membiayai sebanyak 221 buah projek, termasuk Simpanan Gagasan dan Tanggungan-Tanggungan.

Sebanyak 54 buah projek telah siap dilaksanakan, termasuk projek-projek berskala besar seperti:

STATUS PROJEK RKN11



* sehingga 31 Mac 2024



Projek-Projek ICT Seperti Sistem Kebajikan Negara (SKN); dan Rangka Kerja Keselamatan Siber Nasional



Projek-Projek Sistem Rangkaian Elektrik

Projek Kesihatan Seperti National TB Reference Laboratory (NTRL) & Virology Services; dan Pembinaan Blok Baru Pusat Kesihatan Jubli Perak Sengkurong



Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS)

Projek-projek yang sedang dalam pelaksanaan adalah sebanyak 72 buah projek, projek-projek ini dijangka siap semasa RKN12, iaitu termasuk:



Projek Kampus Kekal Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)



Projek Menaiktaraf Stadium Negara Hassanal Bolkiah – Fasa 2



Projek Perumahan Negara Kg. Lugu – Fasa 2

CABARAN DAN PENAMBAHBAIKAN

Bagi memastikan keberkesanan kos pelaksanaan projek RKN, setiap kementerian/jabatan perlu memastikan pengurusan projek dikendalikan secara teratur dan kaedah yang diguna pakai boleh mengelakkan pembaziran. Sebagai contoh, pemilihan reka bentuk bangunan perlulah mengambil kira keperluan sebenar dan mengelakkan spesifikasi yang berlebihan yang menjurus kepada pembaziran. Dalam pada itu, projek yang dipilih adalah jangka dapat membuahkan hasil selaras dengan Matlamat Wawasan Brunei 2035.

Dengan mengambil kira cabaran-cabaran yang dihadapi semasa RKN11, beberapa langkah perlu diteruskan bagi mengukuhkan pelaksanaan RKN12 nanti. Ini termasuk:

- Pemilihan projek yang menghasilkan impak positif untuk jangka masa panjang dan dapat dimanfaatkan oleh generasi akan datang;
- Perancangan yang lebih teratur melalui koordinasi dan penyelarasan di antara kementerian-kementerian yang berkaitan;
- Sentiasa memantau dan mengemaskini keperluan sebenar kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan mengikut pelan strategik terkini masing-masing, jika ada perubahan kepada keperluan tersebut, ia akan di bawa ke Jawatankuasa Kerja (JKK) RKN dan seterusnya Jawatankuasa Tertinggi RKN (JKTR) bagi perubahan yang bersesuaian; dan
- Meneruskan untuk terus berhemat dan mengelakkan pembaziran dalam perbelanjaan, serta tidak dibelanjakan semata-mata ia diperuntukkan.




PELAKSANAAN RANCANGAN KEMAJUAN NEGARA KEDUA BELAS MENGIKUT

TERAS



TERAS 1

MENINGKATKAN KUALITI
PENDIDIKAN MELALUI PENGUKUHAN
AKSESIBILITI INFRASTRUKTUR DAN
SISTEM PENDIDIKAN YANG
SISTEMATIK



TERAS 2

MELAHIRKAN TENAGA KERJA
SELARAS DENGAN KEPERLUAN
INDUSTRI



TERAS 3

MENYUMBANG KEPADA
KELESTARIAN ALAM SEKITAR
DALAM MENANGANI PERUBAHAN
IKLIM



TERAS 4

MENGUKUHKAN KESELAMATAN
NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
RAKYAT YANG BERDAYA TAHAN



TERAS 5

MENINGKATKAN SUMBANGAN
SEKTOR BUKAN MINYAK DAN GAS
KEPADA EKONOMI NEGARA



TERAS 6

MENGUKUHKAN PENGURUSAN
KERAJAAN BAGI PENTADBIRAN
AWAM YANG EFISIEN DAN
KONDUSIF



TERAS 1

**MENINGKATKAN KUALITI
PENDIDIKAN MELALUI PENGUKUHAN
AKSESIBILITI INFRASTRUKTUR DAN
SISTEM PENDIDIKAN YANG SISTEMATIK**

TERAS 1: MENINGKATKAN KUALITI PENDIDIKAN MELALUI PENGUKUHAN AKSESIBILITI INFRASTRUKTUR DAN SISTEM PENDIDIKAN YANG SISTEMATIK

PENDAHULUAN

Untuk sesebuah negara mempunyai sosioekonomi yang kukuh dan berdaya tahan, kualiti pendidikan merupakan salah satu elemen yang penting. Ia dapat dicapai dengan adanya aksesibiliti kepada infrastruktur yang berkualiti dan sistem pendidikan yang bersistematik.

Infrastruktur yang berkualiti dapat memudahkan dan menghasilkan persekitaran pembelajaran yang kondusif, selamat, dan selesa dengan penyediaan ruang dan peralatan yang bersesuaian untuk semua peringkat warga sekolah.



Menurut laporan *'Infrastructure, Learning Complements And Student Learning: Working Together For A Brighter Future'* bagi tahun 2020, Bank Dunia dan Kerajaan Australia, pelaburan infrastruktur yang berkualiti tinggi adalah antara faktor yang dapat meningkatkan hasil pembelajaran pelajar dan juga mengurangkan kadar keciciran pelajar. Di samping itu, dalam memastikan infrastruktur sentiasa berkualiti dan berdaya tahan, penyelenggaraan dan pemantauan berkala adalah diperlukan.

Selain daripada penyediaan infrastruktur bangunan, penyediaan sistem pendidikan yang sistematik dan cekap adalah penting bagi meningkatkan kualiti dan akses pendidikan. Ini adalah selaras dengan pelan strategik Kementerian Pendidikan dalam mewujudkan ekosistem pendidikan yang dapat mengatasi dan mengadaptasikan landskap pendidikan yang sentiasa berubah.

“Beta mengambil maklum bahawa beberapa inisiatif telah dan akan terus dilaksanakan untuk memacu transformasi pendidikan di negara ini. Antara inisiatif tersebut ialah, penaiktarafan infrastruktur rangkaian info-teknologi sekolah-sekolah, pembekalan alat peranti dan data internet kepada semua para guru dan pelajar yang memerlukan. Semua ini adalah bertujuan untuk mendokong pembelajaran menggunakan teknologi, selaras dengan Pelan Transformasi Digital, Kementerian Pendidikan...”


Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Guru Negara Brunei Darussalam Kali Ke-32 Bagi Tahun 1444H/2022M

ISU-ISU SEMASA

JUMLAH PENUNTUT YANG SEMAKIN MENINGKAT

Keperluan dalam meningkatkan aksesibiliti dan infrastruktur sekolah yang kondusif dapat dilihat melalui peningkatan penuntut berdaftar sejak beberapa tahun kebelakangan ini, terutamanya bagi Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) dan Pengajian Tinggi seperti di **RAJAH 16**.

RAJAH 16 : Penuntut Mengikut Peringkat Pendidikan, 2020-2023



Sumber: Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam (BDSYB) 2023, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik



Peningkatan jumlah penuntut ini boleh mengakibatkan kepadatan tempat bagi mengadakan perkumpulan ramai seperti acara keagamaan, peperiksaan, mahupun tempat untuk menunaikan sembahyang berjemaah. Oleh yang demikian, persekitaran yang lebih kondusif, selamat, dan selesa bagi warga sekolah juga perlu diambil perhatian.

Tambahan lagi, selaras dengan pelan strategik Kementerian Pendidikan, penambahbaikan sistem pendidikan adalah diperlukan bagi memastikan produktiviti dan efisiensi warga sekolah dalam menjalankan tugas-tugas seharian. Ia diharap akan dapat mewujudkan ekosistem pendidikan yang dapat mengatasi dan mengadaptasikan landskap pendidikan yang sentiasa berubah.

INITIATIVES

Beberapa usaha dan inisiatif telah dilaksanakan dalam meningkatkan aksesibiliti kepada infrastruktur pendidikan, antara lainnya, seperti yang digariskan dalam Matlamat ke-2 pelan strategik Kementerian Pendidikan, iaitu “Meningkatkan Ekosistem Pendidikan Inovatif”. Matlamat ini bertujuan untuk mewujudkan pendidikan inovatif yang mampu mengatasi landskap pendidikan yang sentiasa berubah dengan pesat dalam memastikan amalan dan proses pendidikan kekal cekal dan relevan.

Matlamat ini, antara lain, boleh dicapai melalui penambahbaikan dan pembaharuan persekitaran pengajaran, pembelajaran, dan penyelidikan. Selain itu, Kementerian Pendidikan juga telah mengenal pasti enam pemboleh cara bagi mencapai objektif dan matlamat pelan strategik Kementerian, antara lainnya:

- i. Kemudahan dan infrastruktur yang berkualiti tinggi: Kemudahan dan infrastruktur yang lengkap boleh mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pengajaran dan pembelajaran. Ini dapat meningkatkan penglibatan pelajar, mengoptima dan membolehkan akses yang lebih baik kepada sumber pembelajaran; dan
- ii. Infrastruktur teknologi inovatif melalui transformasi digital: Menggabungkan infrastruktur teknologi inovatif melalui transformasi digital dalam pendidikan untuk meningkatkan pengalaman pembelajaran.

Bagi Pendidikan Ugama, Kementerian Hal Ehwal Ugama dan Kementerian Pendidikan telah melaksanakan pengintegrasian mata pelajaran ugama ke dalam sistem pendidikan umum bermula pada 1 November 2023. Usaha ini dilakukan dengan menyerapkan pelajaran yang lazimnya diajarkan di sekolah-sekolah ugama ke dalam kurikulum pendidikan umum di sekolah-sekolah rendah kerajaan dan swasta, termasuk sekolah-sekolah antarabangsa.

“

Mengenai bidang pendidikan juga, Beta melihat supaya Skim Pendidikan biasa dan ugama dapat bersatu di bawah pengurusan yang sama supaya tenaga para pendidik dapat diintegrasikan dalam waktu persekolahan, iaitu bagi memenuhi maslahat dan kemudahan para ibu bapa dan penjaga ketika menghantar dan mengambil anak-anak sekolah.

”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-39 Bagi Tahun 1444H/2023M

Inisiatif ini akan menjaga kesejahteraan pelajar dengan mengurangkan beban kerja pelajar dan masa berada di sekolah. Ini diharap akan dapat meningkatkan lagi keseimbangan hidup dan kesihatan mental para pelajar. Selain itu, inisiatif ini juga akan meningkatkan lagi efisiensi pembelajaran, waktu persekolahan yang berkurang akan memberi ruang kepada guru dan para pelajar untuk memberi tumpuan kepada pembelajaran yang lebih berkualiti.

Dengan pelaksanaan inisiatif ini, ia akan mengurangkan kapasiti pada sekolah-sekolah agama yang mengalami kepadatan. Bagi meningkatkan kualiti pembelajaran, bilik-bilik darjah yang tidak digunapakai boleh dijadikan sebagai fasiliti yang diperlukan seperti perpustakaan, makmal komputer, bilik staf guru yang dapat meningkatkan kualiti pembelajaran.

FOKUS UTAMA

Pelbagai usaha dan inisiatif akan diteruskan dan diperkenalkan bagi mendukung Teras ini. Oleh yang demikian, Teras ini akan terus menjadi tunjang dalam memfokuskan penyediaan infrastruktur pendidikan dan sistem pendidikan yang sistematik untuk meningkatkan kualiti pendidikan di negara ini.

SISTEM PEMBELAJARAN

Menurut laporan 'Indeks Pembangunan Manusia 2021', Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB), khususnya Indeks Pendidikan, Negara Brunei Darussalam telah menduduki tangga ke-101 daripada 189 buah negara. Pengukuran ini merupakan salah satu cara untuk memantau perkembangan sistem pendidikan di negara ini.

RAJAH 17 : Indeks Pendidikan, 2020-2021

	2020	2021
Indeks Pendidikan (daripada 189 buah Negara)	87	101

Sumber: Indeks Pembangunan Manusia 2021,
Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB)

Kedudukan

Antara faktor-faktor yang dapat meningkatkan Indeks Pendidikan adalah dengan: (i) Meluaskan akses kepada pelajar yang menghadapi halangan yang disebabkan oleh geografi, ketidakupayaan, kemiskinan, dan lain-lain; (ii) Meningkatkan kualiti pembelajaran dengan menyediakan penilaian dan sokongan yang lebih adaptif; dan (iii) Meningkatkan pentadbiran dan tadbir urus pendidikan melalui penyediaan data, pemantauan, dan penilaian yang lebih tepat.

Dalam hal ini, bagi mencapai sistem pendidikan negara yang lebih sistematik, Kementerian Pendidikan telah menerbitkan Pelan Transformasi Digital (2023-2027) yang dijadikan sebagai panduan dalam memfokuskan tiga komponen penting, iaitu: (i) Pemboleh cara dasar dan infrastruktur; (ii) Teknologi pendidikan; dan (iii) Teknologi pengurusan. Di samping mendukung pelan transformasi tersebut, ia juga selaras dengan Pelan Induk Digital Ekonomi 2025, iaitu untuk menjadikan Negara Brunei Darussalam sebagai negara pintar.

PENGIKTIRAFAN GLOBAL

Antara salah satu kaedah untuk menilai tahap pendidikan sesebuah negara adalah dengan melihat kedudukan universiti melalui pengiktirafan global yang dibuat oleh agensi-agensi luar negara. Kedudukan ini berdasarkan kriteria berbeza yang mengukur prestasi setiap universiti dari segi kualiti pembelajaran, hasil penyelidikan, dan reputasi universiti tersebut. Ia juga boleh memberi gambaran prestasi universiti-universiti di Negara Brunei Darussalam berbanding dengan institusi-institusi lain di seluruh dunia.

Dalam pada itu, institusi-institusi tinggi di negara ini telah menunjukkan peningkatan dalam kedudukan universiti di peringkat global sejak beberapa tahun lalu, yang mana ini membuktikan bahawa usaha-usaha untuk meningkatkan kualiti pendidikan sudah membuahkan hasil. Oleh sebab itu, pengiktirafan ini adalah penting dalam membantu agensi-agensi yang berkaitan untuk menggubal dasar bagi memperolehi kualiti pendidikan yang lebih tinggi.

Pengiktirafan ini dilihat melalui tiga petunjuk utama yang digunakan oleh universiti-universiti di seluruh dunia, iaitu dalam laporan 'Kedudukan *Times Higher Education* (THE)', 'Kedudukan Universiti Dunia *Quacquarelli Symonds* (QS)', dan 'Kedudukan Universiti Dunia Untuk Inovasi (WURI)'.



Pada tahun 2023, menurut *Times Higher Education* (THE), Universiti Brunei Darussalam (UBD) telah menaiki dua anak tangga, menempatkan di kedudukan ke-60 berbanding dengan tahun-tahun sebelumnya, iaitu di kedudukan ke-62. Dengan adanya penilaian ini, ia boleh memberi panduan kepada UBD untuk menambah baik kualiti pendidikan, terutamanya dalam bidang penyelidikan dan pengajaran, termasuk penyediaan kurikulum yang selaras dengan keperluan semasa dan akan datang.





Merujuk kepada Kedudukan Universiti Dunia QS pula, Universiti Teknologi Brunei (UTB) secara konsisten telah mencapai penilaian 5-plus bintang sejak tahun 2018.

Oleh itu, anugerah 5-plus bintang ini menunjukkan bahawa UTB mampu berada setaraf dengan universiti-universiti berprestij lain di seluruh dunia dan merupakan petunjuk jelas bagi keupayaan UTB untuk memanfaatkan kekuatannya sebagai sebuah institusi global yang berkaliber.

Manakala, merujuk kepada WURI, Universiti Sultan Sharif Ali (UNISSA) terus mengekalkan prestasi kecemerlangan, apabila berjaya meraih kedudukan di antara 201 hingga 300 teratas untuk dua tahun berturut-turut.

Oleh kerana itu, penarafan ini menunjukkan bahawa sebagai sebuah institusi pengajian tinggi baharu, UNISSA mampu menyediakan program yang inovatif dan berdaya saing, khususnya di peringkat antarabangsa.




PENDIDIKAN DAN LATIHAN TEKNIKAL DAN VOKASIONAL (TVET)

Akses kepada pendidikan TVET boleh meningkatkan kualiti pendidikan dengan menyediakan peluang-peluang pembelajaran yang relevan dan berkesan. TVET juga melengkapkan pelajar dengan kemahiran dan pengetahuan praktikal yang sepadan dengan keperluan dan permintaan pasaran industri dan ekonomi.

Selain itu, TVET juga menawarkan laluan pembelajaran yang fleksibel, serta memberikan peluang untuk peningkatan kemahiran dan pemahiran semula, ini akan menggalakkan pembelajaran sepanjang hayat, serta pembangunan kerjaya. Dalam pada itu, negara telah berhasil mengeluarkan lebih daripada 2,000 graduan setiap tahun bagi memenuhi permintaan pasaran industri.

RAJAH 18 : Jumlah Lulusan Graduan Mengikut Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), 2018-2023



Sumber: Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam (BDSYB) 2023, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG

Dalam memastikan kualiti pendidikan yang tinggi, inisiatif ini akan menumpukan perancangan kepada pembangunan infrastruktur dan sistem pendidikan. Pembangunan infrastruktur akan dapat mengukuhkan aksesibiliti dengan penyediaan infrastruktur sejajar dengan keperluan Kementerian Pendidikan dan Kementerian Hal Ehwal Ugama.

Bagi sistem pendidikan pula, dengan adanya penambahbaikan sistem, ia akan dapat meningkatkan produktiviti tenaga pengajar dan warga pentadbiran sekolah.

LANGKAH KE HADAPAN

Beberapa projek telah diluluskan dan direka bentuk untuk mengukuhkan aksesibiliti kepada pembelajaran dan meningkatkan infrastruktur pendidikan supaya menjadi lebih kondusif seperti pembinaan bangunan tambahan yang boleh meningkatkan keselesaan dan penaiktarafan sistem pendidikan yang dapat meningkatkan keberkesanan pendidikan di negara ini. Kesemua projek-projek ini adalah selaras dengan hasrat negara untuk menghasilkan rakyat yang berpendidikan, berkemahiran tinggi dan berjaya.



SENARAI PROJEK-PROJEK RKN12 YANG MENYUMBANG KE ARAH KUALITI PENDIDIKAN YANG TINGGI

BIL	NAMA PROJEK	PEMILIK PROJEK
PEMBINAAN FASILITI AND BANGUNAN SEKOLAH		
1.	Sekolah Maktab Sains Kuala Belait	Kementerian Pendidikan
2.	Pembinaan Semula Sekolah Menengah Sultan Hassan Bangar, Temburong	Kementerian Pendidikan
3.	Bangunan Tambahan Sekolah Menengah Menglait	Kementerian Pendidikan
4.	Bangunan Tambahan Sekolah Rendah Sultan Abdul Bubin Sg. Besar	Kementerian Pendidikan
5.	Bangunan Tambahan Sekolah Rendah Awang Haji Mohd. Yusof Katimahar	Kementerian Pendidikan
6.	Bangunan Tambahan Sekolah Rendah Bendahara Sakam Bunut	Kementerian Pendidikan
7.	Bangunan Tambahan Sekolah Ugama Batu Marang	Kementerian Pendidikan
8.	Menaiktaraf dan Penambahan Bangunan Sekolah Rendah Orang Kaya Setia Bakti Kilanas	Kementerian Pendidikan
9.	Menaiktaraf dan Penambahan Bangunan Sekolah Rendah Sengkurong	Kementerian Pendidikan
10.	Pembinaan Sebuah Kompleks Bersepadu Sekolah Rendah, Menengah dan Ugama di RPN Kg. Mengkubau	Kementerian Pendidikan
11.	Pembinaan Sebuah Sekolah Gunasama Sekolah Rendah dan Sekolah Ugama di Perumahan Negara STKRJ Kg. Lugu	Kementerian Pendidikan
12.	Pembinaan Tambahan Blok Baharu Bagi Sekolah Ugama Tanah Jambu	Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
13.	Menaiktaraf Sekolah Menengah Arab Laki-Laki Hassanah Bolkiah (SMALHB) Pusat Tingkatan Enam	Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
14.	Pembinaan Bangunan Baharu Bagi Sekolah Ugama Kg. Kiulap	Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
15.	Pembinaan Bangunan Baharu Bagi Sekolah Ugama Kg. Bolkiah	Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
16.	Pembinaan Kemudahan Tambahan: Dewan Serbaguna Sekolah-Sekolah Ugama	Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama

BIL	NAMA PROJEK	PEMILIK PROJEK
PEMBINAAN FASILITI AND BANGUNAN SEKOLAH		
17.	Pembinaan Kemudahan Tambahan Blok Pentadbiran dan Bilik Guru Sekolah Ugama di Bangunan Sekolah Rendah dan Sekolah Menengah, Kementerian Pendidikan	Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
18.	Pembinaan Tambahan Blok Baharu Bagi Sekolah Arab Belait	Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
19.	Bangunan Baharu Bagi Pusat Kegiatan Ugama Islam Kg. Senukoh / Sekolah Ugama Senukoh	Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama
20.	Kampus Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB)	Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan, Kementerian Hal Ehwal Ugama
21.	Politeknik Brunei	Politeknik Brunei, Kementerian Pendidikan
22.	Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)	Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kementerian Pendidikan
23.	Pembinaan Universiti Brunei Darussalam Nexus Digital Sains	Universiti Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan
24.	Pembinaan Bangunan Institut Penyelidikan Biodiversiti dan Alam Sekitar, Universiti Brunei Darussalam	Universiti Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan
25.	Pembinaan Universiti Brunei Darussalam Hab Inovasi	Universiti Brunei Darussalam, Kementerian Pendidikan
26.	Jalan Masuk Universiti Teknologi Brunei	Universiti Teknologi Brunei, Kementerian Pendidikan
27.	Kompleks Sukan, Universiti Teknologi Brunei	Universiti Teknologi Brunei, Kementerian Pendidikan
28.	Bangunan Baharu Sekolah Reka Bentuk, Universiti Teknologi Brunei	Universiti Teknologi Brunei, Kementerian Pendidikan
29.	Universiti Teknologi Brunei – Fasa 4: Sekolah Sains Terapan dan Matematik	Universiti Teknologi Brunei, Kementerian Pendidikan
30.	Kampus Tahfiz Perempuan dan Diploma ‘Aliyah Qira’at, Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah	Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama
31.	Dewan Serbaguna Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah	Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanah Bolkiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama

BIL	NAMA PROJEK	PEMILIK PROJEK
PENYEDIAAN SISTEM PENDIDIKAN		
1.	Menaiktaraf Infrastruktur Rangkaian Sekolah (SNIU) Kerajaan – Fasa 1	Kementerian Pendidikan
2.	Menaiktaraf Infrastruktur Rangkaian Sekolah (SNIU) Kerajaan – Fasa 2	Kementerian Pendidikan
3.	Sistem Pengurusan Pendidikan Kebangsaan	Kementerian Pendidikan
4.	Sistem Pengurusan Data Pendidikan (EDMS)	Kementerian Pendidikan
5.	<i>School Enterprise Resource Planning System (ERPS)</i>	Kementerian Pendidikan
6.	Universiti Pintar, UNISSA	Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kementerian Pendidikan
7.	Sistem Perpustakaan Pintar, UNISSA	Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Kementerian Pendidikan



TERAS 2

**MELAHIRKAN TENAGA KERJA SELARAS
DENGAN KEPERLUAN INDUSTRI**



TERAS 2: MELAHIRKAN TENAGA KERJA SELARAS DENGAN KEPERLUAN INDUSTRI

PENDAHULUAN

Perancangan pembangunan sumber manusia melalui penyediaan pendidikan, latihan, dan kemahiran akan dapat menghasilkan tenaga kerja yang kekal relevan dan adaptif mengikut perubahan keperluan industri. Ini selaras dengan hala tuju dasar yang terdapat dalam *Economic Blueprint* bagi Negara Brunei Darussalam dan seterusnya mendukung pencapaian matlamat pertama dan ketiga Wawasan Brunei 2035, iaitu 'Rakyat yang Berpendidikan, Berkemahiran Tinggi dan Berjaya' dan 'Ekonomi yang Dinamik dan Berdaya Tahan'.



Dengan adanya perancangan tenaga kerja yang selaras dengan keperluan industri akan dapat membantu mengurangkan pengangguran dan ketidaksepadanan di antara kelayakan dengan jenis pekerjaan yang ditawarkan. Di samping itu, ia juga akan menyumbang kepada daya tarikan negara dari segi menarik Pelaburan-Pelaburan Langsung Asing (FDIs), mengembangkamajukan perniagaan tempatan, dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan negara yang lebih mampan dan berdaya tahan.


ISU-ISU SEMASA

KADAR PENGANGGURAN

Sepanjang tempoh enam tahun kebelakangan, kadar pengangguran bagi yang berumur 18 tahun ke atas telah menunjukkan penurunan yang ketara daripada 7.6 peratus pada tahun 2018 kepada 5.1 peratus pada tahun 2023 seperti di **RAJAH 19**. Walau bagaimanapun, pada tahun 2023, kadar pengangguran telah meningkat sebanyak 5.1 peratus, disebabkan oleh peningkatan jumlah penganggur berumur 18 ke 24 tahun dengan kelulusan pendidikan di peringkat tinggi.

Mengikut peringkat pendidikan, jumlah penganggur yang mempunyai kelulusan pendidikan di peringkat menengah merupakan penyumbang utama kepada jumlah pengangguran secara keseluruhan, iaitu sebanyak 47.8 peratus.

RAJAH 19 : Kadar Pengangguran Berumur 18 Tahun dan Ke Atas, 2018-2023



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Di samping itu, salah satu faktor penyumbang kepada isu pengangguran adalah ketidaksepadanan di antara kemahiran dan pekerjaan. Menurut laporan daripada 'Indeks Daya Saing Kemahiran Dunia 2023', *INSEAD: The Business School For The World*, pada tahun 2023, skor bagi pekerja yang mempunyai kesepadanan di antara kemahiran dan pekerjaan adalah sebanyak 66.8 bagi Negara Brunei Darussalam. Jumlah skor ini juga telah menunjukkan penurunan, iaitu pada tahun 2022, skor bagi kesepadanan di negara ini adalah sebanyak 73.4.

Dalam hal ini, kerjasama dengan pihak industri melalui latihan perlu dipertingkatkan dan kurikulum pendidikan juga harus diselaraskan dengan keperluan industri ke arah penyediaan kemahiran yang relevan dan kebolehpasaran tenaga kerja. Seterusnya, platform pengambilan pekerjaan sesuai dengan kemahiran tenaga kerja juga perlu penambahbaikan.

INISIATIF-INISIATIF

Bagi menangani isu-isu tenaga kerja, Pejabat Perancangan Tenaga Manusia (PPTM) telah ditubuhkan pada November 2019, antara lain, peranan PPTM adalah bagi menyediakan perancangan sumber manusia secara sektoral yang efektif; pembangunan rangka kerja kompetensi; dan menyediakan program untuk mempersiapkan anak tempatan dalam memenuhi keperluan industri, serta merebut peluang pekerjaan yang ada.

“Beta difahamkan bahawa pihak Manpower Planning and Employment Council (MPEC) akan terus bekerjasama rapat dengan sektor perniagaan untuk mengenal pasti pekerjaan yang bersesuaian bagi tenaga kerja tempatan dalam usaha untuk mengurangkan kadar pengangguran.”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-77 Tahun Bagi Tahun 1444H/2023M

Di samping itu, PPTM juga berperanan dalam memastikan keterangkuman dalam pembangunan sumber tenaga manusia ke arah kebolehpasaran kumpulan-kumpulan terdedah, termasuk yang mempunyai kelainan upaya.

Dalam mendukung peranan PPTM, Jawatankuasa Pandu Sumber Manusia Industri (MISC) telah diwujudkan bagi mensejajarkan bekalan dan permintaan tenaga kerja ke arah mengurangkan pengangguran di Negara Brunei Darussalam.



MISC merupakan badan penasihat dan peneraju bagi menghubungkan industri, badan berkanun, institusi pendidikan dan latihan dengan objektif untuk menyelaraskan dan memenuhi keperluan industri dengan tenaga kerja yang bertepatan. Pada masa ini, MISC memfokuskan kepada lima sektor industri, iaitu: (i) Tenaga; (ii) Pembinaan; (iii) Pengangkutan dan Logistik; (iv) Hospitaliti dan Pelancongan; dan (v) Teknologi Info-Komunikasi.

Dalam usaha mensejajarkan pembangunan sumber manusia kepada keperluan industri, serta mengurangkan ketidaksepadanan, Kementerian Pendidikan telah menubuhkan Pusat Kerjasama Sains, Teknologi dan Alam Sekitar (STEP) bagi menjalankan program Pendidikan Sains, Teknologi, Kejuruteraan, Kreativiti dan Matematik (STEAM).

Program STEAM ini diwujudkan bagi menghasilkan pembelajaran yang bermutu dan kerjasama dengan pihak yang berkepentingan melalui latihan dan pengintegrasian pengetahuan, kemahiran, dan inovasi. Dengan adanya program ini, diharap akan dapat melahirkan pelajar yang mempunyai kebolehpasaran dan akan dapat menghadapi dan mengatasi cabaran dalam kerjaya yang akan datang.

Bagi persediaan kebolehpasaran tenaga kerja di peringkat Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Kementerian Pendidikan telah menyediakan Pelan Transformasi Pendidikan Teknikal dan Vokasional pada tahun 2013. Pelan tersebut akan menekankan penstrukturan semula sistem Pendidikan Teknikal dan Vokasional supaya menjadi lebih responsif dan relevan kepada keperluan negara. Penekanan ini dapat dilaksanakan melalui pensejajaran kursus-kursus yang ditawarkan dengan keperluan industri, serta ditanda aras dengan piawaian antarabangsa. Sebanyak enam strategik inisiatif telah dan sedang dilaksanakan melalui pelan tersebut, iaitu:

RAJAH 20 : Strategik Inisiatif di Bawah Pelan Transformasi Pendidikan Teknikal dan Vokasional



PSC RECRUITMENT

Sistem pengambilan dalam talian ini adalah bagi memudahkan dan mempercepatkan proses pengambilan dan pengisian jawatan kosong yang dikendalikan oleh Pejabat Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) dalam memastikan proses pemadanan yang lebih baik di antara kelulusan pemohon dengan keperluan jawatan-jawatan kosong yang disediakan.

Pusat perkhidmatan dalam talian yang menawarkan kemudahan dalam pengambilan tenaga kerja, khususnya bahagian pengambilan pekerjaan di sektor swasta yang akan dapat membantu memadankan kelulusan pencari kerja dengan jawatan yang diiklankan bagi proses pengambilan dan pengisian jawatan kosong. Ini juga termasuk bagi permohonan dan pengambilan bagi Program Perantisan *i-Ready*.

FOKUS UTAMA

Dengan pelaksanaan Teras ini, justeru diharap akan dapat meningkatkan pengambilan tenaga kerja tempatan di sektor swasta.


Pengambilan tenaga kerja tempatan di sektor swasta bagi yang berumur 18 tahun dan ke atas dalam tempoh enam tahun kebelakangan menunjukkan peningkatan, iaitu bagi tahun 2018 hingga 2023, sebanyak 14 ribu tenaga kerja tempatan telah diserapkan di sektor swasta, terutamanya di Sektor Perdagangan Borong dan Runcit; Perkhidmatan Profesional, Teknikal, Pentadbiran dan Sokongan; dan Aktiviti Penginapan dan Perkhidmatan Makanan (RAJAH 21).

RAJAH 21 : Jumlah Tenaga Kerja Berumur 18 Tahun dan Ke Atas di Sektor Swasta, 2018-2023



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

RAJAH 22 : Jumlah Tenaga Kerja Tempatan Berkemahiran Tinggi (PMET) Berumur 18 Tahun dan Ke Atas di Sektor Swasta, 2018-2023



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

Teras ini juga memfokuskan untuk melahirkan tenaga kerja tempatan berkemahiran tinggi berumur 18 tahun dan ke atas, yang akan dapat memegang jawatan Profesional, Pengurus, Eksekutif dan Juruteknik (PMET).

Pada tahun 2023, terdapat peningkatan ketara sebanyak 39.3 peratus dalam bilangan rakyat tempatan yang bekerja sebagai PMET di sektor swasta berbanding tahun 2018 (RAJAH 22).

FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG

Dalam memastikan tenaga kerja tempatan sentiasa relevan dan selaras dengan keperluan industri, Teras ini akan menumpukan kepada perancangan pembangunan sumber tenaga manusia melalui penyediaan pembelajaran sepanjang hayat yang akan dapat menjadi pemangkin bagi pertumbuhan tenaga kerja yang berkualiti dan berpeluang untuk beroleh pekerjaan yang bermakna.

Selain itu, program-program bagi pensejajaran dan pengukuhan Pendidikan Tinggi, dan Pendidikan Teknikal dan Vokasional akan sentiasa diselaraskan mengikut keperluan industri bagi melahirkan tenaga kerja yang kebolehpasaran mengikut keperluan ekonomi semasa.

LANGKAH KE HADAPAN

Beberapa projek telah diluluskan dalam merangka pembangunan tenaga kerja yang cekap dan selaras dengan keperluan industri, termasuk penawaran dan penambahan program/kurikulum yang disesuaikan mengikut permintaan industri; dan penaiktarafan bangunan-bangunan, serta fasiliti-fasiliti dalam memenuhi piawaian kebangsaan dan antarabangsa. Projek-projek ini adalah selaras dengan Aspirasi 2 yang terdapat dalam *Economic Blueprint* bagi Negara Brunei Darussalam, iaitu: 'Rakyat yang Berkemahiran, Adaptif & Inovatif'.



SENARAI PROJEK-PROJEK RKN12 BAGI PEMBANGUNAN KEMAHIRAN TENAGA KERJA

BIL	NAMA PROJEK	PEMILIK PROJEK
PEMBINAAN FASILITI DAN BANGUNAN SEKOLAH		
1.	Menaiktaraf dan Tambahan Kemudahan Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan, Kampus IBTE Sultan Saiful Rijal	Institut Pendidikan Teknikal Brunei Darussalam (IBTE), Kementerian Pendidikan
2.	Menaiktaraf Peralatan Amali Penyelenggaraan Pesawat <i>School of Aviation</i>	Institut Pendidikan Teknikal Brunei Darussalam (IBTE), Kementerian Pendidikan



TERAS 3

**MENYUMBANG KEPADA
KELESTARIAN ALAM SEKITAR DALAM
MENANGANI PERUBAHAN IKLIM**

TERAS 3: MENYUMBANG KEPADA KELESTARIAN ALAM SEKITAR DALAM MENANGANI PERUBAHAN IKLIM

PENDAHULUAN

Kelestarian alam sekitar melalui inisiatif hijau dan pendekatan Ekonomi Biru menjadi agenda negara dalam menangani cabaran perubahan iklim dan risiko bencana alam yang seterusnya akan menyumbang kepada pertumbuhan sosioekonomi yang berdaya tahan, agar sumber khazanah negara dapat diwarisi oleh generasi masa depan.

Dengan mempraktikkan gaya hidup dan amalan inisiatif hijau akan dapat memberikan impak besar kepada sumber pengurusan semula jadi yang mampan, seterusnya melindungi biodiversiti dan perhutanan negara. Ini adalah selaras dengan komitmen untuk mempertahankan status negara sebagai “Permata Hijau di Nadi Borneo”. Dalam pada masa yang sama juga akan dapat mengurangkan jejak karbon dan GHG bagi mengawal kesan-kesan negatif seperti fenomena peningkatan suhu panas dan turunan hujan yang tidak menentu yang boleh menyebabkan banjir dan tanah susur dan sebagainya.



Di samping itu, pemeliharaan ekosistem dan biodiversiti marin melalui MPAs telah menjadi pertumbuhan asas baharu negara yang akan memberikan tumpuan kepada keseimbangan di antara mengekalkan ekosistem marin dan persisiran pantai yang sihat. Dalam pada masa yang sama, kerajaan akan terus menerokai kepelbagaian sumber dan kekayaan spesies marin agar dapat diraih untuk mencapai pertumbuhan inklusif. Dengan adanya pendekatan ini akan dapat menangani isu dan cabaran yang menjurus kepada mitigasi penangkapan yang berlebihan, pengurangan ekotoksikologi marin, dan kesan pencemaran negatif terhadap kehidupan bawah laut seperti dasar laut dan terumbu karang.

ISU-ISU SEMASA

FENOMENA SUHU PANAS

Merujuk laporan 'Keadaan Perubahan Iklim 2022', Organisasi Meteorologi Dunia (WMO), suhu panas dunia meningkat secara signifikan bagi tahun 2015 hingga tahun 2022, iaitu secara purata sebanyak 1.2°C berbanding yang pernah dicatatkan secara purata bagi tempoh lapun tahun kebelakangan, iaitu di antara 0.2°C hingga 1.0°C .

Ini adalah disebabkan oleh kesan peristiwa La Niña yang berlaku sejak tahun 2018. Kesan ini memberikan isu dan cabaran yang boleh menjejaskan sekuriti makanan dan juga peningkatan kepada paras laut yang memberi risiko kepada bencana alam seperti banjir dan sebagainya.



Keadaan Perubahan Iklim 2022

Dalam menghadapi cabaran perubahan corak iklim di peringkat global, Negara Brunei Darussalam juga turut terdedah dan terkesan dalam menghadapi kesan langsung yang boleh membawa kepada meningkatnya kejadian-kejadian cuaca ekstrem.

Suhu panas negara dicatatkan meningkat secara purata sebanyak 2.4°C bagi tahun 2018 hingga tahun 2022. Dengan keadaan ini, ia akan menyebabkan meningkatnya kejadian kebakaran hutan dan jerebu yang boleh menjejaskan pelbagai aktiviti perekonomian negara.

KEHIDUPAN BAWAH LAUT

Merujuk SDGs di bawah Matlamat ke-14, iaitu "Memulihara dan menggunakan sumber lautan dan marin secara mampan ke arah pembangunan yang berdaya tahan", yang memfokuskan kepada kehidupan di bawah air melalui indikator kadar stok ikan yang boleh dijadikan sebagai hasil pendapatan di dalam laut. Mengikut piawaian antarabangsa, kadar hasil maksimum mampan (MSY) bagi menilai stok ikan di laut adalah pada tahap 21,300 metrik tan dan ke atas.



Kajian Sukarelawan Kebangsaan
Matlamat Pembangunan Lestari, 2023

Dengan merujuk penilaian tersebut, menurut Jabatan Perikanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Negara telah mencatatkan pengurangan stok ikan. Pada tahun 2015, kadar stok ikan adalah di bawah pengiraan MSY, iaitu sebanyak 17,333 metrik tan dan terus menunjukkan penurunan bagi tahun 2021, sebanyak 15,296 metrik tan. Ini adalah disebabkan oleh penangkapan ikan secara haram dan berlebihan, serta penangkapan yang tidak mengikut peraturan di bawah zon eksklusif ekonomi (EEZ) Negara Brunei Darussalam.

INISIATIF-INISIATIF

Pemeliharaan alam sekitar akan sentiasa diberikan perhatian dan penekanan yang bertujuan untuk membantu dalam penjagaan ekosistem hijau dan alam sekitar negara. Ini dengan secara tidak langsung akan menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi dan gaya hidup yang lebih mampan.

“


... pihak-pihak yang berkepentingan diseru, supaya meneroka peluang-peluang untuk menyediakan program atau inisiatif 'Tenaga Hijau' bagi mempertahankan dan melindungi alam sekitar dalam jangka masa yang panjang. Dalam masa yang sama, penglibatan orang ramai, penuntut-penuntut, pihak swasta dan NGOs, dikehendaki bekerjasama dengan agensi-agensi Kerajaan bagi sama-sama mengatasi isu dan penyebab pencemaran alam sekitar.

”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Menyambut Tahun Baru Masihi 2020

DASAR KEBANGSAAN PERUBAHAN IKLIM

Negara Brunei Darussalam melalui Pejabat Kebangsaan Perubahan Iklim (BCCO) telah memperkenalkan 'Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP)', iaitu satu dasar yang mengadaptasikan pendekatan senegara dalam menangani kesan perubahan iklim yang semakin membimbangkan di peringkat serantau dan global.



Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam

Dasar ini juga ditetapkan sebagai satu hala tuju yang berpandukan lima prinsip utama Maqasid Shari'ah dalam mendukung usaha ke arah sebuah negara yang lestari dan rendah karbon bagi melindungi alam sekitar dan seterusnya memperkukuhkan lagi tadbir urus perubahan iklim.

Sebanyak 10 strategi utama dikenal pasti yang mengandungi objektif-objektif yang akan dilaksanakan dalam tempoh 15 tahun akan datang. Setiap strategi masing-masing mempunyai strategik tindakan tersendiri yang perlu dilaksanakan bagi mendukung amalan mesra alam sekitar.

“

Brunei juga akan terus komited, tidak akan menarik diri dari bekerjasama dengan masyarakat antarabangsa untuk menangani cabaran-cabaran semasa yang utama, seperti isu perubahan iklim, pencemaran alam sekitar, ancaman keganasan dan ekstremisme.

”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Ulang Tahun Keputeraan Baginda Yang Ke-73 Tahun Bagi Tahun 1440H/2019M

PENILAIAN ALAM SEKITAR

Penyediaan infrastruktur dan penggubalan dasar kerajaan hendaklah mengambil kira kesan dan impak negatif terhadap alam sekitar selaras dengan negara yang semakin membangun.

Menyedari akan kepentingan dalam pemeliharaan biodiversiti dan alam sekitar negara, Kementerian Pembangunan melalui Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi (JASTRe) telah memperkenalkan 'Garis Panduan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA)' bagi Negara Brunei Darussalam. Garis panduan ini dijadikan sebagai satu syarat atau proses yang perlu dilaksanakan dan digunakan sebagai jangkaan panduan terhadap kesan dan impak daripada projek-projek pembangunan dan industri kepada alam sekitar.

Dengan demikian, sokongan dan penyertaan sepadu sama ada di sektor kerajaan, swasta dan setiap lapisan masyarakat memainkan peranan penting agar usaha yang dilaksanakan dapat diteruskan dan dipertingkatkan lagi ke arah mencapai matlamat sebuah negara yang hijau, bersih dan selamat.

“

Satu lagi keperluan dalam usaha kita membangun negara ialah keadaan alam sekitar. Tidak ada maknanya pembangunan pesat jika alam sekitar terjejas teruk. Kerana kita juga terus memerlukan tanah yang subur, udara yang bersih, air minum yang bersih, malah air laut yang bersih yang tidak tercemar...

Oleh itu, sudah tiba masanya untuk kita menyegerakan penggubalan undang-undang atau peraturan bagi pembangunan lebih terkawal. Pada misalnya kita perlu menguatkuasakan mekanisme 'Environmental Impact Assessment' dan lain-lain seumpamanya bagi projek-projek pembangunan.

”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Sambutan Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Ke-26 Bagi Tahun 1431H/2010M

PERLINDUNGAN KAWASAN MARIN

Mengetahui akan kepentingan sumber kekayaan di bawah laut, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan melalui Jabatan Perikanan telah menguatkuasakan undang-undang dan peraturan di bawah Perintah Perikanan (Pengemaskinian), 2014. Perintah Perikanan ini bertujuan untuk memastikan pembangunan dan pengukuhan sumber dasar laut adalah di atas paras MSY mengikut piawaian antarabangsa yang boleh dijadikan sebagai sumber hasil negara.

Justeru itu, bagi menangani isu penangkapan ikan secara haram dan berlebihan, salah satu usaha yang ditekankan adalah kapasiti aktiviti penangkapan hendaklah mengikut zon ekonomi dan peralatan yang berlesen untuk memulihkan sumber perikanan di tahap yang mampan.

FOKUS UTAMA

Negara Brunei Darussalam berhasrat untuk mencapai sasaran pelepasan sifar GHG menjelang tahun 2050. Ini dapat mengurangkan pencemaran dan impak negatif kepada alam sekitar, serta menggalakkan industri pembangunan dan pembinaan untuk mendukung objektif melalui penggunaan inisiatif dan teknologi hijau.

PELEPASAN INDUSTRI

Pengurangan pelepasan GHG di Sektor Industri adalah salah satu strategi ke arah mencapai keamatan karbon yang rendah dengan menerapkan penyalaan rutin sifar dan 'Serendah Yang Boleh Dilaksanakan (ALARP)'. Merujuk laporan 'BNCCP', Pejabat Kebangsaan Perubahan Iklim (BCCO), negara berjaya mengurangkan pelepasan GHG di Sektor Industri, iaitu sebanyak 13.6 MtCO₂e bagi tahun 2022, berada dalam lingkungan sasaran sebanyak 15.3 MtCO₂e.


RAJAH 23 : Pelepasan GHG di Sektor Industri, 2021-2022

	2021	2022
Pelepasan GHG	14.1	13.6

Sumber: Dasar Kebangsaan Perubahan Iklim Negara Brunei Darussalam (BNCCP), Pejabat Kebangsaan Perubahan Iklim (BCCO)

Metrik Tan

KAWASAN TANAH DILIPUTI HUTAN ASLI



Sebanyak 72 peratus daripada jumlah keluasan tanah diliputi dengan hutan tropika yang kaya dengan pelbagai flora dan fauna, serta biodiversiti yang berpotensi untuk diterokai.

Ini dapat diraih melalui usaha pemeliharaan dan perlindungan yang kukuh kepada hutan, serta inisiatif penanaman pengkayaan hutan balak dan penubuhan ladang pokok. Memelihara dan penanaman pokok adalah komponen penting yang harus diteruskan dan diusahakan untuk dilindungi dalam penyerapan karbon dan mengurangkan perubahan iklim.

PENJAGAAN ALAM SEKITAR




Indeks Inovasi Global
2023



Merujuk laporan 'Indeks Inovasi Global 2023', melalui indikator Kelestarian Ekologi, *World Intellectual Property Organisation* (WIPO), pada tahun 2023 Negara Brunei Darussalam menduduki tangga ke-87 daripada 181 buah negara. Di antara kelemahan yang perlu di perbaiki adalah dari segi sumbangan industri ke arah kelestarian alam sekitar. Industri-industri yang ada pada masa ini perlu meningkatkan lagi inisiatif-inisiatif yang dapat mendukung alam sekitar yang lebih mampan.

RAJAH 24: Kelestarian Ekologi, 2019-2023



Sumber: World Intellectual Property Organisation (WIPO) – Indeks Inovasi Global (GI)

FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG

Oleh itu, faktor-faktor utama yang akan menyumbang ke arah kelestarian alam sekitar menumpukan kepada program dan projek yang mendukung inisiatif-inisiatif mengawal dan menangani isu perubahan iklim selaras dengan piawaian dan keperluan antarabangsa.

Setiap projek hendaklah mempunyai penilaian kesan terhadap alam sekitar mengikut penilaian EIA bagi menjangka impak langsung terhadap pemeliharaan alam sekitar negara. Ini termasuk penyediaan program dan projek yang menjurus kepada inisiatif pertumbuhan hijau dan Ekonomi Biru yang mampan dengan menggalakkan perkembangan dan inovasi dalam mengadaptasikan teknologi mesra alam sekitar.

Selain itu, kesemua pihak, termasuk sektor swasta memainkan peranan penting dalam mendukung pembangunan industri inisiatif hijau dan Ekonomi Biru baharu. Ini juga melibatkan syarikat-syarikat FDI dalam menyediakan infrastruktur asas yang mendukung ke arah industri mesra alam sekitar.

LANGKAH KE HADAPAN

Beberapa projek telah diluluskan ke arah memperkukuhkan perlindungan alam sekitar dan mengurangkan pelepasan industri, termasuk pelepasan GHG dan karbon. Projek-projek tersebut adalah seperti penaiktarafan dan penyediaan infrastruktur asas. Selain itu, terdapat juga projek pemeliharaan dan perlindungan khazanah hutan negara melalui program penghutanan semula pokok dan balak.

Di samping itu, peruntukan bagi mendukung inisiatif hijau sebanyak BND50 juta telah disediakan bagi keperluan tambahan pembinaan bangunan yang berkonsepkan Bangunan Hijau.

Kesemua projek adalah selaras dengan hasrat negara menjadi negara hijau dan mampu menangani cabaran-cabaran alam sekitar daripada perubahan pembangunan serantau dan global.



SENARAI PROJEK-PROJEK RKN12 YANG MENYUMBANG KE ARAH KELESTARIAN ALAM SEKITAR

BIL	NAMA PROJEK	PEMILIK PROJEK
1.	Pensijilan Pengurusan Hutan Yang Mampan	Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
2.	Program Penghijauan Semula Ke Atas Kawasan Hutan Yang Terjejas	Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
3.	Program Meningkatkan Pemuliharaan Hutan Bagi Mendukung Kelestarian Alam Sekitar Dalam Mengurangkan Impak Terhadap Alam Sekitar dan Membolehkan Penjualan Karbon Melalui Perdagangan Karbon	Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
4.	Meningkatkan Bekalan Stok Kayu Kayan Melalui Kaedah Perladangan Hutan	Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
5.	Meningkatkan Bekalan Stok Kayu Kayan Melalui Kaedah Penanaman Mengaya	Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
6.	Program Pengurusan dan Perlindungan Hidupan Liar	Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
7.	Menaiktaraf Taman Rekreasi Hutan Pulau Selirong	Jabatan Kemajuan Pelancongan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan
8.	Pelan Adaptasi Kebangsaan Bagi Perubahan Iklim	Jabatan Perdana Menteri
9.	Sistem Solar PV di Kementerian Pembangunan dan Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya	Jabatan Perdana Menteri
10.	Bangunan Hijau	Kementerian Kewangan dan Ekonomi
11.	Pembaikan dan Pengubahsuaian Tapak Semaian Belimbing	Jabatan Alam Sekitar, Taman dan Rekreasi, Kementerian Pembangunan



TERAS 4

**MENGUKUHKAN KESELAMATAN
NEGARA DAN KESEJAHTERAAN
RAKYAT YANG BERDAYA TAHAN**

TERAS 4 : MENGUKUHKAN KESELAMATAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT YANG BERDAYA TAHAN

PENDAHULUAN

Keselamatan negara pada dasarnya merujuk kepada suatu situasi keselamatan dan kedaulatan sesebuah negara bebas daripada sebarang bentuk ancaman sama ada ia berbentuk ancaman dari dalam mahupun ancaman dari luar negara. Adapun ancaman dari dalam itu adalah seperti ancaman bencana alam, perubahan iklim, penularan pelbagai jenis penyakit, aktiviti-aktiviti jenayah, dan lain-lain. Manakala, ancaman dari luar negara itu adalah seperti ancaman dari pengaruh kuasa besar, pengganasan dan ekstremisme, jenayah siber, dan sebagainya. Di samping itu, situasi negara yang selamat dan bebas daripada sebarang bentuk ancaman ini secara tidak langsung akan membolehkan rakyat menjalani kehidupan seharian dalam keadaan yang sejahtera dan selamat, serta kegiatan sosioekonomi dapat berjalan dengan lancar.

Sehubungan itu, bagi menjamin keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara, sesebuah negara harus mempunyai kekuatan pertahanan negara yang baik yang dibentuk melalui aset pertahanan yang moden dan barisan pertahanan yang mantap bagi melindungi negara dari sebarang bentuk ancaman dari dalam mahupun ancaman dari luar negara. Selain itu, hubungan baik negara dengan negara serantau juga adalah kunci utama bagi memelihara kestabilan politik dan mempertahankan kedaulatan negara dalam menangani sebarang bentuk ancaman keselamatan.



“
Bagi hubungan antarabangsa, kerjasama dan hubungan pelbagai hala yang telah dijalin dengan rakan-rakan serantau bahkan juga rakan-rakan Dialog akan terus dipelihara dan dikembang majukan. Ini penting, untuk mencapai sasaran menikmati keamanan dan keselamatan bersama.
”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Keputeraan Baginda Yang ke-76 Tahun Bagi Tahun 1443H/2022M



Dalam pada masa yang sama, hal ehwal kesejahteraan dan kebajikan rakyat juga akan sentiasa menjadi keutamaan bagi memastikan rakyat dapat menjalani kehidupan seharian dalam keadaan yang aman dan selamat melalui ketersediaan infrastruktur-infrastruktur asas yang berkualiti dan mudah diakses oleh rakyat. Ini termasuk juga kesiapsiagaan negara bagi menghadapi sebarang jenis kecemasan seperti pengurusan bencana alam, melawan pelbagai jenis penyakit, dan pencegahan aktiviti-aktiviti jenayah. Ini adalah kerana keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat amat penting untuk pembangunan negara.

“

Beta ingin mengingatkan bahawa kemajuan yang mahu dicapai bukan tertumpu kepada membangun bangunan-bangunan untuk bermegah-megah, tetapi kemajuan yang lebih bermakna ialah seperti membina prasarana dan sistem yang membawa impak positif kepada rakyat dan penduduk...

”

Petikan Titah Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Sempena Hari Kebangsaan Negara Brunei Darussalam Kali Ke-39 Bagi Tahun 1444H/2023M

ISU-ISU SEMASA

Dengan mengambil kira keadaan global yang tidak dapat dijangkakan, situasi ini boleh mempengaruhi persekitaran keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat. Di samping itu, cabaran-cabaran dari pengaruh kuasa besar, pengganasan dan ekstremisme, jenayah siber, ancaman bencana alam, perubahan iklim, penularan pelbagai jenis penyakit, aktiviti-aktiviti jenayah, dan lain-lain, perlu ditangani bagi memastikan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.




KESELAMATAN NEGARA

KESELAMATAN SOSIAL

Bagi tahun 2023, kadar jenayah menunjukkan peningkatan sebanyak 22.8 peratus.

Oleh yang demikian, usaha kerajaan perlu dilaksanakan secara berterusan bagi memastikan kadar jenayah menunjukkan penurunan.

RAJAH 25 : Perangkaan Jenayah, 2018-2023




Sumber: Pasukan Polis Diraja Brunei dan Biro Kawalan Narkotik, Jabatan Perdana Menteri

BENCANA ALAM

Kejadian bencana alam masih memerlukan perhatian, berikutan peningkatan kes bencana, terutamanya kejadian bencana banjir di samping bencana alam yang lain.



RAJAH 26 : Kes Bencana Mengikut Jenis Bencana, 2018-2021



Sumber: Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

KESEJAHTERAAN RAKYAT

AKSES KEPADA PUSAT KESIHATAN

Bagi tahun 2023, nisbah jumlah katil hospital kerajaan bagi setiap 1,000 orang menunjukkan peningkatan berbanding tahun 2022. Begitu juga nisbah doktor kepada penduduk menunjukkan peningkatan pada tahun 2021 berbanding tahun 2017.

Dalam hal ini, adalah penting usaha berterusan pihak kerajaan untuk menyediakan pusat-pusat kesihatan yang dapat memberikan perkhidmatan berkualiti tinggi dan mempertingkatkan akses penduduk setempat kepada perkhidmatan kesihatan asasi.

RAJAH 27 : Jumlah Katil di Hospital Kerajaan Bagi Setiap 1,000 Orang, 2022-2023

	2022	2023
Jumlah Katil Di Hospital Kerajaan (bagi setiap 1,000 orang)	2.92	2.93

Source: Statista Market Insights;
Bank Dunia; dan Pertubuhan
Kesihatan Sedunia (WHO) Buah

RAJAH 28 : Nisbah Doktor Kepada Penduduk, 2017 & 2021

	2017	2021
Nisbah Doktor Kepada Penduduk	19:10,000	25:10,000


Sumber: Mukadimah Penyediaan Belanjawan
Kementerian Kesihatan 2022, Majlis
Mesyuarat Negara (MMN) Nisbah

KUALITI INFRASTRUKTUR JALAN RAYA

Menurut laporan 'BDSYB tahun 2023', Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, ukuran panjang jalan raya secara menyeluruh meningkat kepada 3,819.6 km pada tahun 2023 dari 3,805.7 km pada tahun 2022.

Walau bagaimanapun, jalan raya tidak berturap juga telah menunjukkan peningkatan kepada 506.1 km pada tahun 2023 dari 496.4 km pada tahun 2022. Ini menunjukkan bahawa kualiti jalan raya yang sedia ada perlu pembaikan.

RAJAH 29 : Panjang Jalan Raya & Jalan Raya Tidak Berturap, 2018-2023



Sumber: Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam (BDSYB) 2023, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik


Pembinaan jalan raya yang berkualiti adalah sangat penting bagi sesebuah negara ke arah meningkatkan kesalinghubungan penduduk dan rakyat dan juga membolehkan kegiatan sosioekonomi negara berjalan dengan lancar. Pembinaan dan penaiktarafan jalan raya ini juga mengambilkira faktor-faktor keselamatan pengguna jalan raya di samping mengurangkan kesesakan lalu lintas.

AKSES KEPADA MASJID

Jumlah keseluruhan masjid di seluruh negara pada tahun 2023 adalah sebanyak 102 buah yang telah menunjukkan peningkatan berbanding jumlah pada tahun 2016, iaitu sebanyak 99 buah masjid.

Walau bagaimanapun, dalam usaha pihak kerajaan untuk terus meningkatkan syiar Islam dan bagi menangani isu kepadatan untuk membangun masjid tambahan di kawasan-kawasan terlibat adalah perlu terus dipertingkatkan.

RAJAH 30 : Jumlah Bilangan Masjid, 2016-2023




Sumber: Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam (BDSYB) 2023, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

AKSES KEPADA BEKALAN ELEKTRIK DAN AIR

Akses kepada bekalan tenaga elektrik dan air adalah kritikal bagi pembangunan sesebuah negara. Menurut laporan 'BDSYB tahun 2023', Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik, liputan bekalan elektrik dan air di negara ini telah mencapai 99.9 peratus. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira peningkatan permintaan bekalan elektrik dan air di kawasan-kawasan seperti tapak-tapak perindustrian dan perumahan, pihak kerajaan akan meneruskan komitmen bagi memastikan bekalan elektrik dan air adalah terjamin.

AKSES KEPADA BEKALAN TENAGA ELEKTRIK

RAJAH 31 : Indeks Petunjuk Utama Reliabiliti Sistem Bekalan Tenaga Elektrik



Nota:

System Average Interruption Duration Index (SAIDI). Merujuk kepada indeks purata tempoh gangguan bekalan elektrik (minit)

System Average Interruption Frequency Index (SAIFI). Merujuk kepada indeks purata kekerapan gangguan bekalan elektrik (Jumlah)

Sumber: Jabatan Perkhidmatan Elektrik, Jabatan Perdana Menteri


Kadar kebolehpercayaan SAIDI dan SAIFI telah menunjukkan peningkatan dari tahun 2013 sehingga tahun 2023. Namun begitu, usaha berterusan bagi memastikan kadar kebolehpercayaan tersebut akan dipertingkatkan lagi dari masa ke semasa bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terpelihara.

AKSES KEPADA BEKALAN AIR

Pengeluaran air bagi tahun 2022 menunjukkan penurunan sebanyak 3.0 peratus. Walau bagaimanapun, penggunaan air bagi tahun 2022 menunjukkan peningkatan sebanyak 10.2 peratus.

Oleh yang demikian, bagi memastikan kadar pengeluaran air sentiasa mencukupi, akses kepada bekalan air perlu dipertingkatkan bagi menampung kadar penggunaan air yang semakin meningkat.

RAJAH 32 : Pengeluaran dan Penggunaan Air, 2018-2022



Sumber: Buku Perangkaan Tahunan Negara Brunei Darussalam (BDSYB) 2022, Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik




KADAR MILIK RUMAH

Kadar milik rumah persendirian menunjukkan peningkatan pada tahun 2021 kepada 64.8 peratus berbanding 55.0 peratus pada tahun 2011.

Di samping itu juga, bagi memastikan kesejahteraan rakyat sentiasa terjamin, usaha berterusan pihak kerajaan dalam menyediakan rumah akan terus dilaksanakan melalui skim-skim perumahan negara

RAJAH 33 : Kadar Milik Rumah, 2011 & 2021



Sumber: Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

FOKUS UTAMA

Ke arah mengukuhkan keselamatan negara dan kesejahteraan rakyat yang berdaya tahan, langkah-langkah bagi meningkatkan tahap kesiapsiagaan negara dari sebarang jenis kecemasan perlu sentiasa dikaji semula, dipantau, dan dianalisa. Selain itu, hubungan baik negara dengan negara serantau juga perlu sentiasa dipelihara.

Di samping itu juga, pihak kerajaan akan sentiasa mengambil langkah pro-aktif dalam memastikan hal ehwal kebajikan dan kesejahteraan rakyat, serta penduduk di negara ini sentiasa terjamin dengan penyediaan dan penaiktarafan kemudahan-kemudahan dan infrastruktur asas seperti bekalan tenaga elektrik dan air, jalan raya, perumahan, perkhidmatan kesihatan, dan lain-lain.

FAKTOR-FAKTOR PENYUMBANG

Teras ini akan terus komited memfokuskan dalam penyediaan kemudahan awam dan penaiktarafan infrastruktur-infrastruktur asas yang berdaya tahan dalam mendukung keperluan sosioekonomi dan kestabilan negara.

Ini termasuklah meningkatkan tahap kesiapsiagaan negara dari sebarang jenis kecemasan, membantu menyediakan rumah mampu milik mengikut keperluan semasa, mengukuhkan pemberian perkhidmatan kesihatan negara dan meningkatkan aksesibiliti dan kualiti infrastruktur awam. Selain itu, bagi memperkukuhkan dan menjaga kerohanian kalangan masyarakat, penyebaran syiar agama Islam melalui pembinaan masjid juga akan terus diusahakan.

LANGKAH KE HADAPAN

Beberapa projek telah diluluskan yang meliputi penyediaan dan penaiktarafan kemudahan dan keperluan asas untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan kesejahteraan rakyat secara berterusan.

Di samping itu juga, ia akan dapat meningkatkan keselamatan, kedaulatan dan kestabilan negara melalui peningkatan tahap kesediaan dan kesiapsiagaan, serta meningkatkan keselamatan rakyat daripada risiko bencana alam dan pelbagai jenis penyakit.



SENARAI PROJEK-PROJEK RKN12 BAGI MENGUKUHKAN KESELAMATAN NEGARA DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT YANG BERDAYA TAHAN

BIL	NAMA PROJEK	PEMILIK PROJEK
KESIHATAN		
1.	Pembinaan Bangunan Perkhidmatan Kecemasan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait	Jabatan Perkhidmatan Hospital, Kementerian Kesihatan
2.	Penaiktarafan Hospital Suri Seri Begawan, Kuala Belait	Jabatan Perkhidmatan Hospital, Kementerian Kesihatan
3.	Blok Baharu, Hospital Raja Isteri Pengiran Anak Saleha (RIPAS)	Jabatan Perkhidmatan Hospital, Kementerian Kesihatan
4.	Pusat Kesihatan Mengkubau	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan
5.	Pusat Kesihatan Bandar Seri Begawan dan Jabatan Perkhidmatan Makmal	Jabatan Perkhidmatan Kesihatan, Kementerian Kesihatan
6.	Blok Baharu Makmal Rujukan	Jabatan Perkhidmatan Makmal, Kementerian Kesihatan
KEUGAMAAN		
1.	Masjid Baharu, RPN Kg. Mengkubau	Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama
2.	Masjid Baharu, RPN Kg. Meragang	Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama
3.	Masjid Baharu, RPN Kg. Rimba	Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama
4.	Masjid Baharu, RPN Kg. Lumut	Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama
5.	Masjid Baharu, RPN Kg. Telisai	Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama
6.	Masjid Baharu, RPN Kg. Lugu	Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama
7.	Masjid Baharu, RPN Kg. Mata-Mata (Katok B)	Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama
8.	Masjid Baharu, Kg. Sinarubai dan Burong Lepas	Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama

BIL	NAMA PROJEK	PEMILIK PROJEK
KEUGAMAAN		
9.	Masjid Baharu, RPN Kg. Tanah Jambu	Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama
10.	Masjid Baharu, RPN Kg. Panaga	Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama
11.	Masjid Baharu, Kg. Batu Apoi	Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama
12.	Masjid Baharu, Kg. Selapon	Jabatan Hal Ehwal Masjid, Kementerian Hal Ehwal Ugama
PERUMAHAN		
1.	Pembangunan Semula Kg. Ayer	Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri
2.	Kerja-Kerja Infrastruktur dan Perumahan Am	Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan
3.	Perumahan Negara Kg. Lugu – Fasa 2	Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan
4.	Perumahan Negara Kg. Tanah Jambu – Fasa 7	Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan
5.	Perumahan Negara Kg. Lugu – Fasa 2B	Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan
6.	Perumahan Negara Kg. Lumut – Fasa 7	Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan
7.	Perumahan Negara Kg. Rimba – Fasa 6	Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan
8.	Perumahan Negara Kg. Salambigar	Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan
9.	Perumahan Negara – Pembangunan Kerja-Kerja Tanah	Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan
10.	Perumahan Negara – Pembangunan Penyiasatan Tapak	Jabatan Kemajuan Perumahan, Kementerian Pembangunan
RIADAH		
1.	Menaiktaraf Stadium Negara Hassanal Bolkiah – Fasa 2	Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan

BIL	NAMA PROJEK	PEMILIK PROJEK
RIADAH		
2.	Menaiktaraf Pusat Tenis Kebangsaan di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan Gelanggang Tenis di Kompleks Sukan Mumong	Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
3.	Membaikpulih dan Menaiktaraf Kolam Renang Kebangsaan di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah	Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
4.	Membaikpulih dan Menaiktaraf Pusat Boling Padang dan Pusat Petanque di Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah	Jabatan Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan
KEDAULATAN DAN KESELAMATAN NEGARA		
1.	Penggantian <i>Automatic Weather Observation System</i> (AWOS) Lapangan Terbang	Jabatan Kajicuaca, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
2.	Penggantian Alat Sistem Pendaratan (ILS) dan <i>Doppler VHM Omni Directional Range</i> / Alat Pengukur Jarak (DVOR / DME)	Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
3.	Membaikpulih Landasan di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei – Fasa 2	Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
4.	Pagar Keselamatan dan Sistem Pengesahan Pencerobohan di Lapangan Antarabangsa Brunei	Jabatan Penerbangan Awam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
